



UTeM

اوتيموسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



LAPORAN TAHUNAN 2021

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



KOMPETENSI
TERAS
KEGEMILANGAN



Carian

Kandungan

4	1.0 Maklumat Korporat	2.0 Latar Belakang	12
6	1.1 Sejarah Penubuhan	2.1 Canselor	14
7	1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif	2.2 Pro Canselor	16
7	1.3 Matlamat Pendidikan	2.3 Lembaga Pengarah Universiti	18
8	1.4 Piagam Pelanggan	2.4 Pengurusan Tertinggi Universiti	20
9	1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020	2.5 Senat Universiti	22
	1.6 Data Ringkas	2.6 Jawatankuasa Audit 2021	23
		2.7 Struktur Organisasi	
25	3.0 Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	4.0 Pencapaian Berimpak UTeM 2021	29
37	5.0 Petunjuk dan Laporan Prestasi Utama (KPI) Menteri	6.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal	39
63	7.0 Merintis Teknologi Masa Hadapan	8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat	75
89	9.0 Pembangunan Fizikal & Pengurusan Prasarana	10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori	101
	11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT	12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerksaan Holistik	115
	13.0 Pengurusan Bakat	14.0 Prestasi dan Laporan Kewangan	141



1.0
Maklumat Korporat





Maklumat Korporat

1.1 Sejarah Penubuhan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai World Heritage Site. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas penubuhan UTeM adalah berpandukan model '*fachhochschule*' (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan 'practical-oriented'. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

UTeM bermula dengan tiga (3) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti lima (5) program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun

2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan 4 buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) pada tahun 2007.

Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Penubuhan FTK pada tarikh 11 April 2011, telah mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam pertama yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia selaras dengan tagline UTeM iaitu "Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui".

Pada tahun 2014, UTeM mencipta sejarah sekali lagi apabila menjadi universiti teknikal pertama di negara ini yang menerima status autonomi sepenuhnya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.





1.2 Visi, Misi Objektif

VISI

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

MISI

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- i. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif
- ii. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
- iii. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

OBJEKTIF

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
- ii. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional berilmu (K-profesional).
- iii. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
- iv. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
- v. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
- vi. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
- vii. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan.
- viii. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.


1.3 Matlamat Pendidikan

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai di kalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

1.4 Piagam Pelanggan

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya 7 hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Biasiswa Kementerian;
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf 7 hari bekerja selepas Mesyuarat Panel
- iv. Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang; Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima.
- v. Tempoh bayaran biasiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar.
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh empat 4 bulan selepas penerimaan.
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisien, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian.

- 
- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh 2 minggu;
 - ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar;
 - x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari;
 - xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit;
 - xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut;
 - xiii. Peserta mendapat surat jemputan menghadiri kursus;
 - xiv. Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi program yang diperolehi dalam tempoh 2 hari bekerja;
 - xv. Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh 3 hari selepas menerima notis;
 - xvi. Memaklumkan kepada peserta tentang pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja; dan
 - xvii. Perpustakaan menyediakan perkhidmatan Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM.

1.5 Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme

1.6 Pelan Strategik UTeM 2012-2020

Pelan Strategik UTeM 2012 – 2020 merupakan usaha hasilan komprehensif melalui perundingan menyeluruh terhadap visi dan misi universiti serta perancangan masa hadapan. Halatuju universiti mengambilkira beberapa faktor seperti tren globalisasi masa kini, mobiliti, kolaborasi antarabangsa, evolusi dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi yang optimum, amalan kerja terbaik, ciri keusahawanan dan perdampungan komuniti bagi mencorak masa hadapan yang gemilang.

UTeM komited dalam mengoptimumkan sumber sedia ada bagi melangsungkan perubahan dan penghasilan teknologi baru ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkembangan haluan strategik ini bermula dengan penjajaran set minda yang seterusnya diperkukuhkan melalui percambahan fikiran dan cetusan idea.

Haluan Strategik ini dipacu oleh 6 tema strategik utama yang menjadi asas kepada rangka kerja transformasi universiti. Tema-tema ini dipilih berdasarkan input yang diperolehi melalui siri bengkel dan dialog antara pasukan tema strategik yang menggunakan asas Strategi Lautan Biru dan *Futures Scenario Planning* yang dihasilkan oleh Profesor Sohail Inayatullah.

Enam tema tersebut adalah:

- i. Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal
- ii. Merintis Teknologi Masa Hadapan
- iii. Membentuk Pemimpin Berciri Keusahawanan
- iv. Memacu Potensi Komuniti dan Industri
- v. Pengurusan Bakat
- vi. Kelestarian Kewangan

Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.

1.7 Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP):
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Tarikh Penubuhan:
1 Disember 2000

No. Rujukan Akta Penubuhan:
**Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
[P.U. (A) 45/2007]**

Nama, Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:
**Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim
Naib Canselor**

Alamat:
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia**

No. Telefon :
+606 270 1000

No. Faks:
+606 270 1022

Alamat emel :
vc_utm@utm.edu.my

Laman web:
<http://www.utm.edu.my>

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/Pusat (**Luar Kampus Induk**)

Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia



Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia

**Pusat Pembangunan Perusahaan dan
Teknousahawanan (CREATE)**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka, Malaysia

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan
Elektronik**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Kelestarian Alam Sekitar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pejabat Penasihat Undang – Undang

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia



Latar belakang ^{2.0}



2.1

Canselor

**Tuan Yang Terutama
Tun Seri Setia
(Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam**

Yang di-Pertua Negeri Melaka

15 Ogos 2020 sehingga 3 Jun 2024



2.2

Pro Canselor

Datuk Dr. Sabirin Bin Ja'afar

15 Nov 2019 sehingga 14 Nov 2022



**Tan Sri Dato' Seri
(Dr.) Halim bin Saad**

15 Jan 2021 hingga 14 Jan 2024





2.3 Lembaga Pengarah Universiti



Pengerusi
Academician Tan Sri
Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc

Ahli



Profesor Datuk Wira
Dr. Raha Abdul Rahim FASc.



Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali
bin Omar



Tuan Haji Kamaruzaman
bin Mahmood



Zulkhairil Amar bin Mohamad



YB Dato' Ts. Kamel
bin Mohamad



YB Datuk Seri Dr. Hasim
bin Hasan



Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin
Bin Sahib, FASc.



Datuk Nik Airina
binti Nik Jaffar



Dato' Mohammad Azlan
Abdullah




Ir. Haji Ahmad
bin Tamby Kadir



Dato' Aminuddin
bin Md Hanafiah



Ts. Dr. Zahri bin Yunus



Mazlina binti Mokhtar



Setiausaha

Masdzarif bin Mahat



2.4 Pengurusan Tertinggi Universiti



**Menjalankan Fungsi
Naib Canselor**
Profesor. Ir. Ts. Dr. Ghazali
Bin Omar



**Timbalan
Naib Canselor**
(Akademik & Antarabangsa)
Profesor Dr. Zulkiflie
Bin Ibrahim



**Timbalan
Naib Canselor**
(Penyelidikan & Inovasi)
Profesor. Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar



**Timbalan
Naib Canselor**
(Hal Ehwal Pelajar)
Profesor Madya
Datuk Dr. Sabri
Bin Mohamad Sharif



**Penolong
Naib Canselor**
(Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti)
Profesor Madya
Ts. Mohd Rahimi Bin Yusoff



**Penolong
Naib Canselor**
(Jaringan Industri dan Masyarakat)
Profesor Madya
Ir. Dr. Md Nazri Bin Othman



Bendahari
Khairul Bin Taib



**Ketua
Pegawai Maklumat**
Mohd Isa Bin Mohd Dom



**Penasihat
Undang-undang**
Datuk Azhar Bin Mohamed



Ketua Pegawai Operasi
Masdzarif Bin Mahat

Pegawai Kanan Universiti



**Dekan
Pusat Pengajian
Siswazah**
Profesor Ts. Dr. Noreffendy
Bin Tamalidin



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Elektrik**
Profesor Madya Ts.
Dr. Muhammad Fahmi
Bin Miskon



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Elektronik dan
Kejuruteraan
Komputer**
Profesor Madya Dr. Masrullizam
Bin Mat Ibrahim



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal**
Dr. Ruztamreen Bin Jenal



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Pembuatan**
Profesor Dr. Zamberi
Bin Jamaludin



**Dekan
Fakulti Teknologi Maklumat
dan Komunikasi**
Profesor Ts. Dr. Rabiah
Binti Ahmad



**Dekan
Fakulti Pengurusan
Teknologi dan
Teknousahawanan**
Profesor Madya Dr. Juhaini
Binti Jabar



**Dekan
Fakulti Teknologi
Kejuruteraan Elektrik dan
Elektronik**
Ts. Dr. Rostam Affendi
Bin Hamzah



**Dekan
Fakulti Teknologi
Kejuruteraan Mekanikal
dan Pembuatan**
Profesor Madya Ts.
Dr. Umar Al-Amani
Bin Haji Azlan



**Dekan
Pusat Bahasa
dan Pembangunan
Insan**
Dr. Mohd Fauzi
Bin Kamarudin



**Dekan
Institut Pengurusan
Teknologi dan
Keusahawanan**
Profesor Madya Dr. Safiah
Binti Sidek



2.5 Senat Universiti

Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar
Pengerusi - Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Profesor Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi Bin Yusoff
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Profesor Madya Ir. Dr. Md Nazri Bin Othman
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Profesor Dr. Ts. Noreffendy Bin Tamaldin
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Ts. Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Madya Dr. Masrullizam bin Mat Ibrahim
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Dr. Ruztamreen Bin Jenal
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Dr. Zamberi Bin Jamaludin
Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Madya Dr. Juhaini Binti Jabar
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahwanan

Ts. Dr. Rostam Affendi Bin Hamzah
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Madya Ts. Dr. Umar Al-Amani Bin Haji Azlan
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Dr. Mohd Fauzi bin Kamarudin
Dekan Pusat Bahasa Pembangunan Insan

Profesor Madya Dr. Safiah Binti Sidek
Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Profesor Ir. Dr. Marizan Bin Sulaiman
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Dr. Abdul Rani Bin Othman
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Ir. Dr. Badrul Hisham bin Ahmad
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Dr. Zahriladha bin Zakaria
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Ir. Dr. Hambali bin Arep @ Ariff
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ts. Dr. Burhanuddin bin Mohd Aboobaider
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ir. Dr. Kenneth a/l Sundaraj
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Ts. Dr. Goh Ong Sing
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Masdzarif bin Mahat
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Khairul bin Taib
Bendahari

Mohd Isa bin Mohd Dom
Ketua Pegawai Maklumat

Datuk Azhar bin Mohamed
Penasihat Undang-undang

Azman bin Ayup
Ketua Pustakawan



2.6 Jawatankuasa Audit 2021



Pengerusi
YB Datuk Seri
Dr. Hasim Bin Hasan



Ahli
Dato' Aminuddin
bin Md Hanafiah



Ahli
Zulkhairil Amar
Bin Mohamad



Ahli
Ts. Dr. Zahri bin Yunos



Ahli
Datuk Nik Airina
Binti Nik Jaffar



3.0
Laporan
Pengerusi Lembaga
Pengarah Universiti





Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya Laporan Tahunan 2021 dapat diterbitkan untuk rujukan semua pihak.

Sepanjang tahun 2021, seluruh dunia termasuk negara kita Malaysia terus berdepan dengan krisis kesihatan akibat dilanda wabak COVID-19. Dalam masa sama, pihak Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara bersasar bagi mengawal penularan COVID-19 agar pemulihan negara dapat dilaksanakan dan aktiviti ekonomi dapat diteruskan bagi kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya yang telah terjejas teruk berikutan pelaksanaan PKP secara menyeluruh sebelum ini.

UTeM telah menerima seramai 2,562 orang pelajar baharu ke program Ijazah Sarjana Muda bagi kemasukan sesi akademik 2021/2022. Manakala seramai 510 orang pelajar Diploma bagi kemasukan sesi akademik 2021/2022. Jumlah enrolmen pelajar keseluruhan pada akhir tahun 2021 adalah seramai 13,138 termasuk 685 pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian diperingkat Ijazah dan Ijazah Lanjutan.

Majlis Konvokesyen UTeM Ke-16 telah diadakan pada 9-12 Disember 2021 di Dewan Canselor UTeM melibatkan seramai 2,979 orang graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2020. Pelaksanaan majlis adalah mematuhi SOP dengan kawalan menyeluruh berdasarkan peraturan dan arahan pihak Kerajaan.

UTeM telah diberikan penghormatan sebagai penganjur bersama dalam menjayakan *The 20th International Expo On Innovations and Technology, Malaysia Technology*

Expo (MTE) 2021 Virtual pada 22-26 Mac 2021. Rangkaian produk inovasi UTeM terus menyerlah dengan pencapaian 2 Anugerah Khas, 2 pingat emas dan 2 pingat gangsa di *Malaysia Technology Expo 2021 (MTE)* pada 14-18 Jun 2021. Rangkaian produk penyelidikan berinovasi tinggi UTeM terus menyerlah di *Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx 2021)* yang diadakan secara dalam talian pada 14 Mei 2021-27 Julai 2021. UTeM telah berjaya dengan empat belas pingat iaitu 5 emas, 7 perak dan 2 gangsa.

UTeM telah memenangi pelbagai Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Awam Malaysia (MAKUM) bagi Tahun 2019 iaitu Anugerah Bonang Emas Lelaki dan Wanita (individu yang cemerlang dalam seni dan budaya), Anugerah Gong Kencana dan Anugerah Gambang Mustika (Persatuan Seni Terbaik) melalui pasukan Wind Orkestra UTeM, Anugerah Gayor Gemilang Emas MAKUM, Anugerah Gendang Sari MAKUM dan Anugerah Lambang Sari MAKUM. Program MAKUM ini telah diadakan secara atas talian.

Di arena antarabangsa, 4 mahasiswa UTeM telah memenangi pingat emas di *The World Invention Creativity Olympics (WICO) 2021*, Seoul, Korea Selatan menerusi produk inovasi dron iaitu *Hybrid Vertically Take-Off and Landing Unmanned Aerial Vehicle*. Siswa UTeM turut berjaya menjuarai pertandingan di *Kaspersky Interactive Protection Simulation (KIPS)* peringkat antarabangsa dan 4 kemenangan lain dalam bidang *Cybersecurity, IT Software Solution for Business, IT Network Systems Administration* dan *Web Technology* di *@Worldskills Russia*.

UTeM telah berjaya disenarai di *Times Higher Education (THE) World University Rankings 2021-Asia* pada kedudukan 401+ yang dinilai berdasarkan kepada 5 kriteria utama iaitu pengajaran (persekitaran pengajaran dan pembelajaran), penyelidikan (penjanaan dan reputasi), sitasi dalam penerbitan,

penjanaan daripada industri (pemindahan pengetahuan) dan pengantarabangsaan (pelajar, staf dan penyelidikan).

UTeM turut disenarai di THE, *Young University Rankings* pada kedudukan 401+ dengan penilaian berdasarkan kepada tiga belas indikator dengan misi teras utama iaitu pengajaran, penyelidikan, pemindahan ilmu serta pengantarabangsaan.

UTeM juga disenaraikan di THE *Impact Rankings* 2021 peringkat global dengan kedudukan antara 801 hingga 1000. Penarafan ini berteraskan kepada penilaian kepada 4 bidang utama sesebuah Universiti iaitu penyelidikan, pengawasan, jangkauan dan pengajaran terhadap 17 fokus Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). UTeM berjaya menyerlah dalam empat (4) komponen SDG seperti SDG 6 (Clean Water and Sanitation), SDG 7 (Affordable and Clean Energy), SDG13 (Climate Action) dan SDG 17 (Partnerships for the Goals).

UTeM terus menyerlah di persada dunia dalam penarafan di THE *University Ranking by Subject* 2022 iaitu bidang kejuruteraan pada kedudukan 1001+, sains komputer pada kedudukan 801+ serta perniagaan dan ekonomi pada kedudukan 601+.

UTeM bersama ERASMUS United telah berjaya menubuhkan *UTeM Future Fuel Design Training Centre*. Penubuhan pusat ini adalah sebahagian daripada kejayaan menerusi Projek Geran Penyelidikan Antarabangsa ERASMUS United yang sedang dijalankan dengan mewujudkan *Engineering Knowledge Transfer Unit* (EKTU) dilengkapi dengan peralatan latihan sistem pengurusan bahan bakar terkini yang memfokuskan teknologi suntikan diesel. Projek ini telah diketuai oleh staf UTeM dan dibiayai menerusi peruntukan geran yang bernilai RM 4.9 juta untuk tempoh tiga puluh enam bulan mulai Januari 2019 hingga Januari 2022.

UTeM telah diberi mandat oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi program di bawah dana Penjana KPT-Career Advancement Program@State (KPT-CAP@State) untuk melaksanakan program latihan keusahawanan lepasan graduan kelahiran negeri Melaka melibatkan dana berjumlah RM1.05 juta. Sebanyak 4 program terlibat iaitu

Program Agropreneur Muda, Transformasi Perniagaan Kepada Program e-Dagang, Rahsia Cara Menubuhkan Perniagaan Pengeluaran Percetakan dan Rahsia Cara Perniagaan Dalam Talian dan Pemasaran.

UTeM turut telah menerima dana bagi pelaksanaan program bawah Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT-PACE) bagi Projek *Triz Intermediate Level* (Triz Level 1 and Level 2) *Practitioner Certification* berjumlah RM178,200.00 dan Projek *Autodesk Autocad Essentials with Certification Certified User Exam* berjumlah RM144,000.00.

UTeM terus mengukir kecemerlangan apabila merangkul 2 anugerah pada *National Energy Awards* (NEA) 2021 anjuran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KetSA). NEA 2021 adalah anugerah yang mengiktiraf pencapaian dan amalan terbaik institusi dan organisasi tempatan dalam memacu agenda tenaga lestari. UTeM juga turut memenangi kategori Pengurusan Tenaga (Energy Management in Large Building) dan Anugerah Khas (Institute of Higher Learning).

UTeM terus prihatin dan cakna dengan melancarkan misi bantuan dan sumbangan kepada mangsa banjir di negeri Melaka yang terdiri daripada komuniti setempat dan turut melibatkan warga Universiti pada 17-21 Mei 2021. Program ini turut disertai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka. Objektif program ini adalah untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa terbabit yang terdiri daripada komuniti setempat yang melibatkan staf dan pelajar UTeM. Sumbangan dana yang berjaya dikumpulkan daripada warga Universiti dan Alumni UTeM telah disampaikan kepada hampir 100 keluarga terlibat yang mana mereka menerima sumbangan berupa barangan keperluan makanan dan perkakasan pembersihan.

UTeM merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Dipertua Negeri Melaka merangkap Canselor UTeM atas penganugerahan Darjah Seri Utama Mahkota Wilayah (S.U.M.W) sempena Hari Wilayah

Persekutuan Tahun 2021. Selain itu, setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam di atas penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat (Sains Politik dan Kerajaan) oleh MAHSA *University*.

Pada tahun 2021 juga telah menyaksikan pelantikan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Halim bin Saad sebagai Pro-Canselor UTeM berkuat kuasa mulai 15 Januari 2021 hingga 14 Januari 2024. Pelantikan ini bagi menggantikan mantan Pro-Canselor sebelum ini iaitu YBhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh yang telah tamat tempoh pelantikan pada 1 Oktober 2020. Lembaga Pengarah Universiti turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YBhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh, mantan Pro-Canselor UTeM.

Selain itu, UTeM juga merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti kepada YBhg. Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar (Wakil Sektor Swasta), YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib, *FASc.* (Wakil Senat Universiti) dan YBhg. Dato' Ts. Kamel bin Mohamad (Wakil Masyarakat Setempat).

Lembaga Pengarah Universiti turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YBhg. Profesor Datuk Wira Dr. Raha binti Abdul Rahim, mantan Naib Canselor UTeM yang telah tamat tempoh pada 28 Ogos 2021. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada YBrs. Ir. Haji Ahmad bin Tamby Kadir, mantan Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang telah tamat tempoh lantikan pada 26 Ogos 2021.

Saya mewakili Lembaga Pengarah Universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan amat berterima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi serta seluruh warga kerja UTeM di atas segala komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam perkembangan dan kemajuan Universiti di sepanjang tahun 2021.

Saya berdoa agar kesepakatan dan semangat kebersamaan UTeM terus erat dan kukuh di sanubari semua warganya demi merealisasikan kelangsungan

serta kejayaan visi dan misi UTeM. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan keredhaan Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.

Academician Tan Sri

Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, *FASc.*

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



4.0
Pencapaian Berimpak
UTeM 2021





Pencapaian Berimpak UTeM 2021

UTeM Rangkul *ASEAN Energy Awards*: Menjadi Rujukan di Asia Tenggara

UTeM telah diistiharkan sebagai pemenang *ASEAN Energy Awards* (AEA) 2021 pada 15 September 2021 bagi kategori *Energy Management for Building and Industry Category : Large Building*. AEA yang merupakan ganjaran tertinggi di peringkat Asia Tenggara untuk menggalakkan dan mengiktirafkan penyertaan dan minat sektor swasta dalam pembangunan tenaga di rantau ASEAN dengan kerjasama sektor awam. Ianya terdiri daripada 3 kategori iaitu *ASEAN Coal Awards*, *ASEAN Energy Efficiency and Conservation Best Practices Awards* dan *ASEAN Renewable Energy Project Awards*.

Selain itu, anugerah ini juga merupakan satu sinergi kepada organisasi dalam kemampuan tenaga, selain menyediakan mekanisme untuk terus mencari, menanda aras dan mengiktiraf inisiatif dan amalan terbaik dalam pembangunan tenaga.

UTeM Pemenang *National Energy Awards* (NEA) 2021

UTeM telah dinobatkan sebagai pemenang *National Energy Awards* (NEA) 2021 pada 11 September 2021 bagi 2 kategori iaitu *Energy Management in Large Building* dan *Special Awards Institute of Higher Learning*. NEA ialah salah satu anugerah paling berprestij di Malaysia yang mengiktiraf pencapaian cemerlang dan amalan terbaik institusi dan organisasi tempatan dalam memacu agenda tenaga mampan.

Ditubuhkan pada 2018 sebagai sebahagian daripada usaha strategik kerajaan untuk meluaskan penerimaan awam dan penyertaan industri dalam sektor penjimatan tenaga, kecekapan tenaga dan teknologi tenaga boleh diperbaharui. NEA juga merupakan platform penting untuk memberikan pengiktirafan dan ganjaran kepada peneraju industri Malaysia dalam sektor produk, perkhidmatan dan perkhidmatan tenaga berkaitan teknologi hijau yang semakin berkembang untuk menerima pakai dan melaksanakan amalan tenaga mampan.

UTeM Pelopori Pembangunan dan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Semester Dalam Talian Bertaraf Global

UTeM telah berjaya memelopori pembangunan dan pelaksanaan sistem peperiksaan akhir semester secara dalam talian seiring dengan persekitaran pandemik dan keperluan semasa peringkat global. Inisiatif ini seiring dengan *tagline* UTeM, Sentiasa Merintis Sentiasa Menerajui lalu berhasilnya projek atau sistem dikenali Pengurusan dan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian.

Projek ini berobjektif untuk mewujudkan satu proses, kerangka kerja meliputi pengurusan dan pelaksanaan peperiksaan yang bersistematik mengikuti peraturan-peraturan peperiksaan berintegriti tinggi di samping turut menjamin kualiti dan kredibiliti pengurusan dan pelaksanaan peperiksaan secara dalam talian.

Projek yang dibangunkan UTeM ini merupakan projek pengurusan peperiksaan bersepadu yang menjadikan UTeM satu-satunya universiti dalam negara yang membangunkan proses, Prosedur Operasi Standard (SOP), kerangka kerja, peraturan dan operasi yang bersistematik peringkat global. Dari aspek pelajar pula pelajar-pelajar boleh menduduki peperiksaan di mana sahaja mereka berada di bawah pemantauan yang berkesan di samping proses penilaian akhir pelajar tidak terganggu.

Pengambilan Jubah Secara Pandu Lalu

Rentetan daripada situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara, proses pengambilan jubah bagi graduan konvokesyen ke-16 telah dibuat secara pandu lalu. Kaedah ini dipilih bagi mengurangkan risiko penyebaran virus di samping memudahkan urusan graduan. Proses pengambilan jubah secara pandu lalu dilaksanakan di hadapan Dewan Canselor UTeM. Secara keseluruhannya seorang pelajar hanya mengambil masa kurang dari 2 minit dari proses awal hingga menerima jubah masing-masing. Proses selama 4 hari ini yang melibatkan 2,969 orang graduan telah dilaksanakan dengan jayanya.

Anugerah CIO Circle of Excellence

Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UTeM, Mohd Isa Mohd Dom telah dianugerahkan *CIO Circle Excellent Award Asia 2021* (platinum) daripada pihak Cisco dan CNBC-TV18. Cisco merupakan syarikat nombor satu dunia dalam bidang teknologi maklumat dan penyediaan rangkaian global bersama CNBC-TV18 menganugerahkan pengiktirafan berprestij ini kepada UTeM selaku penerima tunggal dalam bidang pendidikan.

CIO Circle Excellent Award ini merupakan anugerah yang mengiktiraf CIO organisasi-organisasi dunia yang telah menyumbangkan kejayaan merealisasikan konsep digital transformasi berimpak. Pengukuran pada kali ini berfokuskan kepada organisasi yang berdaya tahan, berkeupayaan tinggi serta mampu meneruskan operasi utama dengan jayanya dalam musim pandemik.

Anugerah berprestij bertaraf global ini sekaligus telah melonjakkan kredibiliti UTeM di persada dunia dan Asia khususnya. Pengiktirafan sebegini jelas mempamerkan UTeM sentiasa merintis dan menerajui cabaran semasa dalam memastikan keseluruhan operasinya termasuklah proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dilaksanakan dengan jayanya walau berdepan dengan kesulitan pandemik yang melanda dunia.

Alumni UTeM Ketua Jurutera Bangunkan Kereta Perisai Mobiliti Tinggi 4x4 Bertaraf Dunia

UTeM turut gembira dengan rangkaian berita kejayaan sekumpulan anak tempatan menerusi MILDEF *International Technologies* (MILDEF) syarikat perkhidmatan automotif kegunaan industri pertahanan Malaysia membangunkan kenderaan berperisai mobiliti tinggi 4x4 untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Kejayaan ini memberikan impak langsung kepada UTeM ekoran ketua jurutera yang terlibat dalam menjayakan projek ini merupakan alumni UTeM, Khairul Hazwan Mohd Rasit graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif).

Pencapaian berprestij ini menggambarkan penzahiran peranan UTeM melahirkan graduan unggul dalam bidang teknikal kepada negara dan dunia merupakan satu kenyataan. Graduan UTeM juga turut menjadi buruan majikan dan industri pelbagai sektor dari seluruh dunia dan perkara ini selari dengan kedudukan UTeM yang berada pada kedudukan tiga teratas bagi kadar kebolehpasaran graduan dalam kalangan universiti awam dalam negara. Di samping itu pelaksanaan strategi dan formula khas UTeM turut berkait rapat dengan kejayaan penghasilan graduan unggul universiti ini bilamana konteks pengisian daripada kerangka kerjasama strategik UTeM bersama rangkaian industri dunia," ujarnya lagi.

Tun Seri Setia Mohd Ali Dimasyhur Sebagai Canselor Ketiga UTeM

Yang Dipertua (YDP) Negeri Melaka, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam hari ini dimasyhurkan sebagai Canselor ketiga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Pelantikan Mohd Ali, 72, mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah berkuatkuasa selama 4 tahun mulai 15 Ogos 2020 hingga 3 Jun 2024.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad mewakili Tuanku Abdullah menyerahkan watikah pelantikan pada upacara pemasyhuran yang berlangsung di Dewan Seri Utama, Pejabat Tuan Yang Terutama YDP Negeri Melaka, Ayer Keroh. Mohd Ali menggantikan Canselor terdahulu yang juga bekas YDP Negeri Melaka keenam, Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Yaakob.

Turut hadir pada upacara pemasyhuran itu ialah isteri Mohd Ali, Toh Puan Asmah Abdul Rahman; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali, Pro Canselor UTeM, Tan Sri Halim Saad dan Datuk Dr Sabirin Ja'afar, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali serta Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim.

Kelestarian Dunia : Pertama Kali UTeM Tersenarai Dalam Penarafan *Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2021*

UTeM telah berjaya mencipta sejarah tersendiri apabila pertama kali disenaraikan dalam penarafan *Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2021* peringkat global. Pencapaian kedudukan berprestij senarai universiti terbaik dalam menjayakan kelestarian dunia ini telah diumumkan baru-baru ini berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam *THE Impact Rankings 2021*.

THE Impact Rankings 2021 ini merupakan satu-satunya jadual pengukuran prestasi global yang menilai aktiviti universiti-universiti seluruh dunia selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Buat pertama kalinya penyertaan UTeM dan terus mendapat pengiktirafan apabila telah disenaraikan pada kedudukan tangga 801-1000 daripada keseluruhan universiti terlibat di peringkat antarabangsa.

Pencapaian terbaru ini mengukuhkan kedudukan UTeM sebagai antara institusi terbaik di dunia dalam menyelesaikan cabaran terbesar umat manusia pada masa kini. Penarafan Kedudukan *THE Impact Rankings 2021* ini berteraskan kepada penilaian yang berfokus kepada 4 bidang utama sesebuah universiti merangkumi penyelidikan, pengawasan, jangkauan dan pengajaran terhadap 17 fokus SDG.

UTeM telah berjaya menyerlah dalam 4 komponen SDG seperti SDG 6 (Clean Water and Sanitation), SDG 7 (Affordable and Clean Energy), SDG 13 (Climate Action) dan SDG 17 (Partnerships for The Goals).

Terus menyerlah di persada dunia: UTeM Tersenarai dalam *THE World University Rankings by Subject 2022*

Prestij dan keunggulan UTeM terus menyerlah di persada dunia apabila UTeM disenaraikan dalam penarafan *Times Higher Education THE University Rankings by Subject 2022*. Daripada senarai terkini yang diumumkan *THE* pada 13 Oktober 2021, 3 bidang utama UTeM telah berjaya tersenarai dalam *THE University Rankings by Subject 2022*.

Jelasnya, bidang yang dimaksudkan adalah bidang kejuruteraan, UTeM berada pada kedudukan 1001+, bidang sains komputer pada kedudukan 801+ dan dalam bidang perniagaan dan ekonomi pula pada kedudukan 601+. Penyenaraian ketiga-tiga bidang utama ini dilihat bertepatan sekali dengan bidang tujuhan UTeM iaitu pembuatan termaju.

Pencapaian UTeM dalam senarai universiti terbaik dunia ini membuktikan bahawa UTeM sebagai sebuah institusi pengajian ilmu terutamanya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan yang setanding dengan universiti terkemuka di peringkat antarabangsa.

UTeM Kekal Cemerlang Dalam Penarafan *QS World University Rankings: Asia 2022*

UTeM terus menyerlah di pentas dunia apabila berjaya mengekalkan kedudukan cemerlang dalam penarafan *QS World University Rankings: Asia 2022*. Sebagai sebuah universiti teknikal awam yang pertama di Malaysia, UTeM telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan keupayaan teknikal negara termasuk menawarkan program akademik berteraskan industri bagi melahirkan graduan holistik yang menjadi pilihan utama.

UTeM telah berjaya menempa nama dalam senarai universiti terbaik di Asia apabila diumumkan dalam penarafan *QS World University Rankings: Asia 2022*, semalam. UTeM telah diumumkan berada pada kedudukan 401-450 pada masa yang sama menzahirkan UTeM telah meningkatkan pencapaian dalam komponen yang berkaitan dengan reputasi, rangkaian penyelidikan antarabangsa serta mobiliti pelajar. Ini merupakan tahun ketiga UTeM menyertai senarai penarafan tersebut. Berdasarkan pencapaian ini, UTeM berada dalam 60% teratas di kalangan institusi pengajian tinggi di Asia. Penarafan QS ini menilai 11 komponen utama dalam sesebuah universiti termasuk pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, sitasi, pengantarabangsaan serta reputasi yang mana kaedah ini telah diperkenalkan sejak 2009 lagi oleh penarafan ini.

UTeM Tersenarai Dalam *THE Young University Rankings 2021*

UTeM terus melakar sejarahnya tersendiri apabila tersenarai dalam penarafan *Times Higher Education (THE) Young University Rankings 2021* baru-baru ini. Kejayaan itu meletakkan institusi yang ditubuhkan sejak 21 tahun lalu terus menyerlahkan prestijnya sebagai sebuah daripada universiti terbaik dunia yang berusia 50 tahun atau kurang.

Antara kriteria penarafan *THE Young University Rankings* itu berfokuskan kepada 13 indikator berdasarkan misi teras sesebuah universiti iaitu pengajaran, penyelidikan, pemindahan ilmu serta pengantarabangsaan. Dalam pengumuman penarafan *THE Young University Rankings* pada 23 Jun 2021, UTeM disenaraikan pada kedudukan 401+ yang turut menyenaraikan 475 universiti dari 68 buah negara secara keseluruhannya.

Mahasiswa UTeM Menang Emas di WICO 2021

Di arena antarabangsa, 4 mahasiswa UTeM telah memenangi pingat emas di *The World Invention Creativity Olympics (WICO) 2021*, Seoul, Korea Selatan menerusi produk inovasi dron iaitu *Hybrid Vertically Take-Off and Landing Unmanned Aerial Vehicle*. Siswa UTeM turut berjaya menjuarai pertandingan di *Kaspersky Interactive Protection Simulation (KIPS)* peringkat antarabangsa dan 4 kemenangan lain dalam bidang *Cybersecurity, IT Software Solution for Business, IT Network Systems Administration* dan *Web Technology* di *@Worldskills Russia*.

Empat Mahasiswa UTeM Cemerlang Menang 4 Anugerah di *WorldSkills Malaysia 2021*

Empat orang mahasiswa dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK), UTeM telah berjaya memenangi empat anugerah dalam bidang masing-masing di Anugerah Kecemerlangan *WorldSkills Malaysia 2021*, baru-baru ini. Pertandingan *WorldSkills Malaysia 2021* merupakan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf belia atau pekerja mahir yang mempunyai kemahiran unggul membantu meningkatkan tahap kemahiran tenaga manusia di Malaysia yang bertaraf dunia.

Empat orang penuntut FTMK UTeM telah berjaya menjulang kemenangan apabila memenangi 4 anugerah bagi kategori berbeza yang telah mereka sertai. Penuntut Diploma Teknologi Maklumat, Low Zi Lun bersama penyelia yang merupakan pensyarah kanan FTMK, Yahya Ibrahim telah dipilih menjadi johan bagi kategori *VirtualSkills Malaysia bidang IT Software Solution for Business*.

Seorang lagi penuntut Diploma Teknologi Maklumat, Muhammad Najmi Rosli bersama penyeliannya yang juga merupakan pensyarah kanan FTMK, Shahril Parumo telah memenangi naib johan bagi kategori *VirtualSkills Malaysia* untuk bidang *Web Technologies*. Chia Jian Wei yang merupakan pelajar kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) bersama penyeliannya Prof Madya Dr. Mohd Faizal Abdollah telah berjaya memenangi pingat perak bagi kategori *III Khabarovsk International Skills Competition untuk bidang IT Network System Administration*.

Sementara itu, Wan Muhammad Khairuddin WanAb Karim, pelajar kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) bersama penyeliannya Dr. Mohd Zaki Mas'ud turut memenangi pingat perak bagi kategori *WorldSkills Malaysia University Challenge 2021* untuk bidang *Cybersecurity*. Keempat-empat pelajar terbabit berpeluang untuk menjalani ujian saringan sebelum melayakkan diri menjadi peserta mewakili Malaysia ke *WorldSkills Competition Shanghai 2022* yang akan diadakan pada 12 hingga 17 Oktober 2022 di *Shanghai National Exhibition and Convention Center* kelak.

UTeM dan ERASMUS United Menubuhkan *UTeM Future Fuel Design Training Centre*

UTeM bersama ERASMUS United telah berjaya menubuhkan *UTeM Future Fuel Design Training Centre*. Penubuhan pusat ini adalah sebahagian daripada kejayaan menerusi Projek Geran Penyelidikan Antarabangsa ERASMUS United yang sedang dijalankan dengan mewujudkan *Engineering Knowledge Transfer Unit* (EKTU) dilengkapi dengan peralatan latihan sistem pengurusan bahan bakar terkini yang memfokuskan teknologi suntikan diesel. Projek ini telah diketuai oleh staf UTeM dan dibiayai menerusi peruntukan geran yang bernilai RM4.9 juta untuk tempoh tiga puluh enam bulan mulai Januari 2019 hingga Januari 2022.

UTeM Penjana KPT Laksana Program Latihan Keusahawanan Lepas Graduan

UTeM telah diberi mandat oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi program di bawah dana Penjana *KPT-Career Advancement Program@State* (KPT-CAP@State) untuk melaksanakan program latihan keusahawanan lepasan graduan kelahiran negeri Melaka melibatkan dana berjumlah RM1.05 juta. Sebanyak 4 program terlibat iaitu Program Agropreneur Muda, Transformasi Perniagaan Kepada Program e-Dagang, Rahsia Cara Menubuhkan Perniagaan Pengeluaran Percetakan dan Rahsia Cara Perniagaan Dalam Talian dan Pemasaran.


UTeM turut telah menerima dana bagi pelaksanaan program bawah Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT-PACE) bagi Projek *Triz Intermediate Level* (Triz Level 1 and Level 2) *Practitioner Certification* berjumlah RM178,200.00 dan Projek *Autodesk Autocad Essentials with Certification Certified User Exam* berjumlah RM144,000.00.


UTeM Menang Pelbagai Anugerah MAKUM

UTeM telah memenangi pelbagai Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Awam Malaysia (MAKUM) bagi Tahun 2019 iaitu Anugerah Bonang Emas Lelaki dan Wanita (individu yang cemerlang dalam seni dan budaya), Anugerah Gong Kencana dan Anugerah Gambang Mustika (Persatuan Seni Terbaik) melalui pasukan *Wind* Orkestra UTeM, Anugerah Gayor Gemilang Emas MAKUM, Anugerah Gendang Sari MAKUM dan Anugerah Lambang Sari MAKUM. Program MAKUM ini telah diadakan secara dalam talian.

Pencapaian Pertandingan Produk Penyelidikan dan Inovasi

Berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini akibat penularan pandemik COVID-19, pada tahun 2021 semua pertandingan inovasi telah dilaksanakan secara dalam talian. UTeM telah berjaya mencapai 100% kemenangan di peringkat antarabangsa dengan meraih kutipan sejumlah 34 pingat keseluruhannya menerusi *Malaysia Technology Expo (MTE) 2021*, *32nd International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2021* dan *MTE 2021: Covid19 International Innovation Awards 2021*. Sementara itu UTeM turut mempamerkan kecemerlangan di pentas nasional dalam pertandingan inovasi anjuran universiti awam dan swasta di peringkat kebangsaan dan telah berjaya merangkul 100% kemenangan dengan pungutan sejumlah 124 pingat. Jumlah pingat keseluruhan yang telah berjaya dimenangi di peringkat nasional dan antarabangsa adalah sebanyak 158 pingat.





5.0
Petunjuk Prestasi
Utama dan
Keberhasilan
Utama (KPI)



Petunjuk Prestasi Utama dan Keberhasilan Utama (KPI)

Jadual: Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian UTeM Bagi Tahun 2021

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Peratus kebolehpasaran graduan di universiti.	80%	90.7 %
2.	Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	2.00	1.11
3.	Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	7.055	27.91
4.	Peratus penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus	15%	19.6%
5.	Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	≤5%	3.08%
	(ii) Sarjana	≤3%	9.4%
	(iii) PhD	≤2%	5.7%
6.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	85%	88.2%
	(ii) Sarjana	70%	59%
	(iii) PhD	40%	29.7%
7.	Bilangan pelajar antarabangsa di universiti.	800	720



6.0
Melonjak Kecemerlangan
Pendidikan Teknikal



Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal

Program Akademik

Pada tahun 2021, UTeM telah menawarkan sebanyak 5 program di peringkat Diploma dan 39 program di peringkat Sarjana Muda. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

Jadual 1 | Penawaran Program Diploma dan Sarjana Muda di UTeM

Fakulti	Program Akademik
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	Diploma Kejuruteraan Elektrik
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	Diploma Kejuruteraan Elektronik
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
	Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
	Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Diploma Kejuruteraan Pembuatan
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
	Sarjana Muda Kejuruteraan Industri dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	Diploma Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) dengan Kepujian
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Inovasi Teknologi) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pemasaran Teknologi Tinggi) dengan Kepujian
	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantaian Bekalan dan Logistik) dengan Kepujian

Fakulti	Program Akademik
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan Dan Penyaman Udara) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses Dan Teknologi) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Kepujian

Pada tahun 2021, sebanyak 3 program baharu telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi hasil kerjasama strategik dengan rakan industri daripada China iaitu Zhongxing Education Management Co. Ltd, Wuxi, China (ZEM):

1. Sarjana Muda Teknologi Pengkomputeran Awan dan Aplikasi dengan Kepujian (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
2. Sarjana Muda Teknologi Internet of Things (IoT) dengan Kepujian (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik)
3. Sarjana Muda Teknologi Telekomunikasi dengan Kepujian (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik)

Pemeriksaan Program Akademik Melalui Pembangunan Latihan Staf Akademik

Dana khas Industry 4WRD Train the Trainers telah diterima daripada Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) bagi pelaksanaan program Industry@University dan memperkasakan program TVET di UTeM pada 7 Oktober 2019, berjumlah RM596,250.00. Sehingga Disember 2021, sebanyak 21 kursus dan latihan telah dilaksanakan menggunakan dana tersebut dengan jumlah RM56,762.00 (94%).

Program Penjana Sebagai Nilai Tambah Kepada Pelajar

Pada tahun 2021, UTeM telah menerima dana PENJANA KPT-Persijilan Profesional (KPT-PACE) Fasa 1 berjumlah RM 322,200.00 bagi 2 program. Objektif pelaksanaan program ini adalah bagi memberikan nilai tambah dalam bentuk sijil profesional kepada kelayakan sedia ada pelajar, meningkatkan kompetensi profesional graduan dalam bidangnya yang tersendiri serta dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam bidang profesional.

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Prasiswazah 2021

Statistik pendaftaran pelajar baharu bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jadual 2 | Pengambilan Pelajar Baharu UTeM 2021

Fakulti	Ijazah Sarjana Muda Tempatan (Ambilan Mac @ Semester II 2020/2021)	Ijazah Sarjana Muda Antarabangsa (Ambilan Februari @ Semester II 2020/2021)	Ijazah Sarjana Muda Tempatan (Ambilan September @ Semester I 2021/2022)	Ijazah Sarjana Muda Antarabangsa (Ambilan September @ Semester I 2021/2022)	Diploma (Ambilan Jun @ Semester 0 2021/2022)	Jumlah
FKE	39	3	205	1	94	342
FKEKK	53	3	195	-	92	343
FKM	50	2	221	2	108	383
FKP	47	-	255	2	110	414
FTMK	50	8	446	3	163	670
FPTT	-	1	444	1	-	446
FTKEE	-	-	461	1	-	462
FTKMP	-	-	456	-	-	456
JUMLAH	239	17	2,683	10	567	3,516

Sehingga 31 Disember 2021, enrolmen pelajar prasiswazah yang mengikuti pengajian prasiswazah ialah seramai 11,846 orang pelajar. Jadual di bawah menunjukkan enrolmen pelajar dari 2010 hingga 2021 mengikut peringkat pengajian:

Jadual 3 | Enrolmen Pelajar Prasiswazah UTeM 2021

Tahun	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	
2010	1,001	5,778	6,779
2011	1,277	7,075	8,352
2012	1,173	7,795	8,968
2013	1,110	8,964	10,074
2014	853	9,366	10,219
2015	928	9,348	10,276
2016	1,119	9,439	10,558
2017	1,394	9,306	10,700
2018	1,548	9,530	11,078
2019	1,542	9,846	11,388
2020	1,537	10,291	11,828
2021	1,538	10,308	11,846

Merujuk kepada jadual di atas, sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga 2021 berlaku peningkatan enrolmen setiap tahun kerana faktor-faktor berikut:

- i) Pertambahan program-program baru.
- ii) Dasar kerajaan mengambil pelajar aliran Teknologi dan Vokasional (TVET) terutama kepada *Malaysian Technical University Network* (MTUN).
- iii) UTeM semakin dikenali dalam kalangan para pelajar dan menjadi antara pilihan utama kemasukan ke universiti awam.

Graduate On Time (GOT) Prasiswazah

Graduate on Time (GOT) mengukur bilangan pelajar sesuatu kohort kemasukan yang berjaya bergraduasi dalam tempoh yang diharapkan/ ditetapkan daripada program mereka (contohnya empat tahun untuk Ijazah Sarjana Muda). Dalam pengertian ini, GOT mengukur *output* Universiti iaitu bilangan graduan yang dihasilkan.

Justeru bagi mengekalkan kos yang stabil, Universiti perlu menjadi lebih produktif untuk memastikan bilangan graduan yang dihasilkan meningkat dan dapat bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan. Ini kerana pelajar yang mengambil masa yang lebih lama untuk bergraduasi menyebabkan kos meningkat dan Universiti akan kehilangan pelajar baru kerana penempatan telah diberikan kepada pelajar yang tidak selesai bergraduasi.

Pada tahun 2021, GOT UTeM mencatatkan sebanyak 88.7% orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang bergraduasi dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu 2,100 orang pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 2,380 orang pelajar (Jadual 4: Kohort 2017/2018). Manakala bagi pelajar program Diploma, UTeM mencatat sebanyak 87.3% pelajar yang bergraduasi dalam tempoh ditetapkan iaitu 413 pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 473 orang pelajar (Jadual 5: Kohort 2018/2019).

Jadual 4 | Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar Ijazah Sarjana Muda bagi Kohort 2017/2018 dan GOT

Fakulti	Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	270	222	82.2%
FKEKK	169	139	82.2%
FKM	236	204	86.4%
FKP	171	137	80.1%
FTMK	416	361	86.8%
FPTT	369	348	94.3%
FTKEE	399	362	90.7%
FTKMP	350	327	93.4%
KESELURUHAN	2,380	2,100	88.2%

Jadual 5 | Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar Diploma bagi Kohort 2018/2019 dan GOT

Fakulti	Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	93	75	80.6%
FKEKK	79	72	91.1%
FKM	82	73	89.0%
FKP	68	61	89.7%
FTMK	151	132	87.4%
Keseluruhan	473	413	87.3%

Konvokesyen 2021

Majlis Konvokesyen ke-17 UTeM untuk Tahun 2021 telah ditangguhkan kerana pandemik COVID-19 yang telah melanda negara. Walau bagaimanapun bilangan graduan yang berjaya menamatkan pengajian adalah seramai 3,275 orang yang merangkumi 61 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 2 orang graduan Ijazah Doktor Kejuruteraan, 194 orang graduan Ijazah Sarjana, 2,525 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 493 orang graduan Diploma.

Jadual 6 adalah jumlah graduan mengikut fakulti dan peringkat pengajian pada Konvokesyen ke-17 UTeM:

Jadual 6 | Bilangan Graduan Majlis Konvokesyen ke-17 UTeM

Fakulti	Ijazah Doktor Falsafah	Ijazah Doktor Kejuruteraan	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda	Diploma	Jumlah
FKE	6	0	29	279	103	417
FKEKK	10	1	24	181	87	303
FKM	5	0	28	277	84	394
FKP	9	1	40	199	76	325
FTMK	21	0	35	490	143	689
FPTT	4	0	36	364	0	404
FTKEE	0	0	0	394	0	394
FTKMP	0	0	0	341	0	341
IPTK	6	0	2	0	0	8
Jumlah	61	2	194	2,525	493	3,275

Program Akademik

Pada tahun 2021, UTeM telah menawarkan sebanyak 12 program di peringkat Kedoktoran dan 43 program di peringkat Sarjana pada tahun 2021. Senarai program yang ditawarkan mengikut Fakulti/ Institusi adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7 | Penawaran Program Pascasiswazah di UTeM


Fakulti	Program Akademik
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektrik
	Ijazah Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekatronik
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu)
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kawalan dan Robotik)
	Sarjana Kejuruteraan Mekatronik
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK)	Sarjana Kejuruteraan Elektrik
	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektronik
	Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)	Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik)
	Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)
	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekanikal
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Gunaan)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Tenaga)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Struktur)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga)
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal
	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Pembuatan
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti)
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri)
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (FTMK)	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Kepersisian)
	Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Termaju dan Pemprosesan)
	Doktor Falsafah
	Doktor Teknologi Maklumat
	Sarjana Sains Dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Rangkaian Internet)
	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data)
	Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian dan Kepintaran)
	Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan)
	Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN (FPTT)	Sarjana Teknologi (Sains Data dan Analitik)
	Sarjana Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Mudah Alih)
	Sarjana Sistem Maklumat
	Doktor Falsafah
	Doktor Pengurusan Teknologi
	Sarjana Sains Dalam Pengurusan Teknologi
	Sarjana Sains Dalam Keusahawanan
INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK)	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju)
	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi dan Inovasi)
	Sarjana Teknoinovasi
INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK)	Sarjana Sains Komunikasi Teknikal
	Sarjana Sains Kaunseling Industri
	Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia

Pada tahun 2021, sebanyak 2 program baharu yang telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan akan mula ditawarkan pada tahun 2022 di bawah Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPT). Program tersebut adalah:

1. Sarjana Pengurusan Maklumat Perniagaan
2. Sarjana Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Pascasiswazah


Pusat Pengajian Siswazah melaksanakan pengambilan pelajar pascasiswazah 2 kali setahun iaitu pada Mac dan September. Statistik pengambilan pelajar pascasiswazah sejak dari penubuhan PPS sehingga tahun berakhir 2021 adalah seperti di Rajah 1.



Rajah 1 | Statistik Pengambilan Pelajar Pascasiswazah di UTeM

Pada awal tahun 2021, kadar kes wabak COVID-19 terus meningkat dan mencatat angka yang tinggi. Berikutan itu, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) seluruh negara. Walau bagaimanapun, sesi pengambilan pelajar pada tahun 2021 telah menunjukkan peningkatan kepada seramai 277 orang pelajar. Fenomena wabak ini telah mencetuskan pembaharuan dalam pengurusan pentadbiran iaitu pemerkasaan penggunaan perkhidmatan dalam talian atau *online* yang melibatkan kaedah penawaran program pengajian, sesi VIVA dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan ramai peserta (*secara video-conference*).

Pandemik wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada penurunan enrolmen semasa (Aktif dan Tangguh Pengajian) pelajar pascasiswazah. Pola enrolmen pascasiswazah setiap tahun adalah seperti di **Rajah 2**.



Rajah 2 | Statistik Enrolmen Pelajar Pascasiswazah di UTeM (Data Sehingga 31 Disember 2021)

Enrolmen semasa pelajar pascasiswazah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 mencatatkan jumlah pelajar seramai 1,291 orang dengan penurunan sebanyak 4% berbanding tahun 2020. Pecahan pelajar pascasiswazah tahun 2021 mengikut Fakulti/Institut dan program adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8 | Enrolmen Semasa Pelajar Pascasiswazah 2021


Fakulti/ Institut	Program					Jumlah
	PhD	DEng	Sarjana Penyelidikan (MSc)	Sarjana Mod Campuran	Sarjana Kerja Kursus	
FKE	57	-	50	-	12	119
FKEKKK	47	3	80	-	20	150
FKM	43	2	71	-	33	149
FKP	79	8	55	-	36	178
FTMK	205	-	40	-	54	299
FPTT	101	-	57	-	36	194
IPTK	176	-	26	-	-	202
JUMLAH	708	13	379	0	191	1,291
Jumlah Keseluruhan = 1,291						

Pengantarabangsaan Pascasiswazah

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) terus komited melaksanakan inisiatif strategik dan operasi dalam memperkasakan pendidikan teknikal dan meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di samping menjana pendapatan bertepatan dengan status autonomi.

Daripada jumlah pencapaian 1,291 orang pelajar pascasiswazah pada tahun 2021, 513 (40%) orang terdiri daripada pelajar antarabangsa dari pelbagai negara. Peratusan pelajar antarabangsa menyusut sebanyak 3% berbanding bilangan 608 orang


pelajar antarabangsa yang dicapai pada tahun 2020. Pecahan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah mengikut negara bagi tahun berakhir 2021 adalah seperti yang dipaparkan dalam **Rajah 3**.



Rajah 3 | Statistik Enrolmen Pelajar Antarabangsa Pascasiswazah di UTeM mengikut negara

Graduan Pascasiswazah

Graduan pascasiswazah yang dihasilkan pada konvokesyen 2021 adalah seramai 257 orang. Statistik jumlah graduan pascasiswazah yang telah dihasilkan dari tahun 2006 sehingga 2021 adalah seperti yang digambarkan dalam **Rajah 4**.




Rajah 4 | Statistik Graduan Pascasiswazah Sehingga 2021

Graduate On Time Pascasiswazah

Untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan pencapaian KPI tamat pengajian dalam tempoh ditetapkan *Graduate On Time* (GOT), Pusat Pengajian Siswazah telah melantik beberapa orang Profesor dari universiti penyelidikan untuk memberi kursus pendek kepada pelajar PhD dan Sarjana Penyelidikan yang dilaksanakan pada setiap sesi pengajian seperti kaedah penyelidikan, penulisan tesis yang berkualiti, kaedah menulis kajian lepas, alat penyelidikan dan pengurusan *citation*, menganalisa data dan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

Untuk rekod pencapaian, peratusan GOT masih dilihat turun naik dan ianya bergantung kepada bilangan pelajar yang mencapai GOT pada sesuatu tahun berbanding dengan jumlah graduan pada tahun tersebut. Peratusan GOT pelajar pascasiswazah dari tahun 2010 – 2021 adalah seperti di **Rajah 5**.




Rajah 5 | GOT Pascasiswazah UTeM Sehingga 2021

Pengurusan Peperiksaan Lisan (Viva-Voce) Secara Dalam Talian


Pada tahun 2021, sebanyak 134 sesi VIVA telah dilaksanakan melibatkan pelajar Kedoktoran dan Sarjana (Penyelidikan). Walaupun terdapat cabaran tertentu untuk melaksanakan VIVA secara dalam talian pada peringkat permulaan seperti kemudahan peralatan, logistik, ketidakstabilan talian/capaian dan lain-lain, Pusat Pengajian Siswazah telah mengambil langkah kawalan dan persediaan awal bagi memudahkan pelaksanaan seta meminimumkan risiko yang mungkin berlaku. Secara tidak langsung, pelaksanaan VIVA secara dalam talian juga telah menjimatkan kos Universiti dari segi tuntutan perjalanan dan penginapan Pemeriksa Luar.

Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Terdapat penurunan bagi enrolmen pelajar antarabangsa pada tahun 2021 iaitu seramai 720 orang pelajar dari 26 buah negara berbanding dengan tahun 2020 iaitu seramai 812 orang dari 32 buah negara.



Rajah 6 | Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian pada tahun 2020 dan 2021



Rajah 7 | Pecahan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara pada Tahun 2021

Kerjasama Antarabangsa: Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA)

Bagi tahun 2021, sebanyak 4 MoU telah ditandatangani antara UTeM dan institusi luar negara. Senarai MoU dan MoA yang telah ditandatangani adalah seperti **Jadual 9**:

Jadual 9 | Senarai kerjasama MoU dan MoA antarabangsa UTeM

Bil.	Jenis	Institusi	Tempoh	Fakulti
1	MoU	Universitas Andalas, Indonesia	1 Mac 2021 – 28 Februari 2026 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
2	MoU	Zhejiang University of Technology, China	2 November 2021 – 1 November 2023 (2 Tahun)	Pusat Antarabangsa UTeM
3	MoU	Vellore Institute of Technology, India	11 November 2021 – 10 November 2026 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
4	MoU	Hannover University of Applied Sciences and Arts, Germany	1 Oktober 2021 – 30 September 2026 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Mobiliti Pelajar

Jadual 10 | Perbandingan mobiliti pelajar inbound dan outbound

	Inbound		Outbound	
	Berkredit	Tanpa Kredit	Berkredit	Tanpa Kredit
7 orang pelajar		-	-	106 orang pelajar

Aktiviti Promosi Secara Dalam Talian

Sepanjang tahun 2021, UTeM telah berjaya menjalankan aktiviti promosi dan pemasaran secara dalam talian melibatkan negara Indonesia, Bangladesh, China, India dan Sri Lanka.

Pengenalan Kepada Pembelajaran Maya


Bermula pada tahun 2021 Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) telah mengadakan bengkel kepada pensyarah UTeM untuk membangunkan *Open and Distance Learning (ODL)* dan *Micro credential (MC)* yang bertujuan untuk menjadikan pendekatan pembelajaran secara terbuka tunggal utama bagi memenuhi keperluan pembelajaran masa hadapan untuk memenuhi keperluan golongan yang bekerja atau calon separuh masa dari pelbagai daerah, negeri dan negara.

Pembangunan Platform UCreds


Pembangunan Platform *Open and Distance Learning (ODL)*, *Massive Open Online Courses (MOOC)* dan *Micro Credentials (MC)*

Untuk mewujudkan pembudayaan Maya e-Pembelajaran, PSTP telah membangunkan satu platform bagi 3 jenis kelayakan dalam talian: *Open and Distance Learning (ODL)*, *Massive Open Online Courses (MOOC)* dan *Micro-Credentials (MC)*. Pelantar ini diberi nama UCreds (seperti dalam Rajah 9) yang boleh di akses melalui laman web <https://ucreds.utm.edu.my/>. Ketiga-tiga kelayakan (*ODL*, *MOOC* dan *MC*) adalah saling berkaitan melalui sistem hierarki seperti dalam Rajah 8. ODL perlu dihasilkan melalui beberapa gabungan dinamik *Learning Path (LP)* MOOC dan MC. LP adalah merupakan satu atau

lebih kursus *MC*. *Micro Credentials* adalah merupakan kursus mikro bercredit atau tidak bercredit yang dibangunkan secara modul kecil atau dibangunkan secara “*stackable*”.



Rajah 8 | Hierarki UCreds



Rajah 9 | Antaramuka UCreds


Jadual 11 menunjukkan spesifikasi teknikal bagi UCreds dan ianya boleh dikembangkan di masa hadapan untuk menyokong pelbagai fungsi yang diperlukan:

Item	Spesifikasi
Processing Unit	4 GHz
Operating System	Centos 7
RAM	16 GB
Storage	450 GB
Moodle version	3.11

Program-Program e-Pembelajaran Hasil Pembangunan eKandungan Pembangunan *Micro-Credential* UTeM

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran telah memuat naik sebanyak 5 kursus *Micro-credential* yang telah dibangunkan oleh Pensyarah UTeM ke dalam pelantar UCreds. Kursus-kursus yang boleh di akses oleh pengguna adalah:

- i) *Laplace Transform*
- ii) *Second Order Linear Differential Equations*
- iii) *Partial Differential Equations*
- iv) *First Order Linear Differential Equations*
- v) *Fourier Series*



Rajah 10 | Kursus Micro-credential

Hasil Pembangunan eKandungan MOOC UTeM

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran telah berjaya membangunkan pelantar sendiri yang berasaskan *Moodle* bagi menggantikan pelantar *Open Learning* yang akan tamat tempoh langganan pada awal September 2022. Pelantar yang telah dibangunkan ini dikenali sebagai UCreds yang membawa maksud *University Credentials*. Ketiga-tiga bentuk pengajaran dan pembelajaran di dalam talian (*Micro-credential*, *Massive Open Online Course* (MOOC) UTeM dan *Open and Distance Learning* (ODL) akan dilaksanakan secara serentak menggunakan pelantar UCreds. Ianya berkonsepkan tiga dalam satu iaitu melaksanakan ketiga-tiga bentuk kaedah di dalam satu pelantar yang sama.

Pada tahun 2021, cuma satu sahaja MOOC yang berjaya dibangunkan iaitu kursus MOOC *Differential Equations*. Perancangan bagi tahun 2022, selain daripada menambah bilangan kursus MOOC sedia ada, PSTP juga berusaha untuk memindahkan kesemua MOOC yang telah dibangunkan di dalam pelantar *Open Learning* ke dalam pelantar UCreds. Proses migrasi ini dijangka akan selesai sebelum pelantar sedia ada tamat tempoh.

Hasil Pembangunan *Open Course Ware (OCW)* / Bahan Pengajaran Berimpak Tinggi Digital

Bengkel pembangunan *Open Course Ware (OCW)* Bahan Pengajaran Berimpak Tinggi Digital telah dilaksanakan sebanyak 2 kali pada tahun 2021. Siri 1 dilaksanakan pada 24 hingga 25 Mac 2021 dengan objektif pelaksanaannya adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mempunyai e-kandungan yang berkualiti tinggi dan memberi impak dimana bahan yang dihasilkan memenuhi aspek rekabentuk pengajaran, strategi PdP, kualiti media serta mematuhi hak cipta (harta intelek dan tidak melanggar aspek plagiarisma).

Peserta akan dibimbing dalam memahami konsep asas pembangunan bahan P&P yang berimpak tinggi dan dapat dimanfaatkan di dalam penghasilan karya asli kandungan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Objektif bengkel Siri 1 adalah:

- a) Meningkatkan pembudayaan penghasilan e-kandungan asli sebagai wadah Pendidikan dan
- b) Memberi pendedahan alatan, aplikasi dan perisian yang boleh digunakan untuk proses pembangunan e-kandungan.

Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara bermula dari awal 2020 sehingga berlanjutan pada pertengahan tahun 2021, pembangunan *Open Course Ware (OCW)* Bahan Pengajaran Berimpak Tinggi Digital Siri 2 telah dilaksanakan secara dalam talian pada 6 Disember 2021. Objektif bengkel pada Siri ke-2 ini adalah:

- a) Mendedahkan peserta kepada *tips and tricks* dan *do and don't* dalam penghasilan bahan OCW menggunakan *tools*, perisian dan aplikasi terpilih dan
- b) Membangunkan e-kandungan yang berkualiti, asli dan terbuka berasaskan kepada piawaian yang digariskan bagi mengukuhkan proses P&P dalam talian.

Seramai 17 orang peserta dari pelbagai fakulti telah menyertai kedua-dua siri Bengkel dengan 10 kursus berlainan. Dari 10 kursus OCW yang dibangunkan, terdapat 3 kursus OCW yang dapat dihasilkan dengan lengkap iaitu *Computer Programming*, *Circuit Theory* dan *Engineering Design*.

Hasil Pembangunan eKandungan eBook

Bengkel pembangunan eBook telah dilaksanakan sebanyak 2 kali pada tahun 2021. Siri 1 dilaksanakan pada 30 hingga 31 Mac 2021 dengan objektif pelaksanaannya adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam menghasilkan buku interaktif/ buku elektronik eBook akademik yang boleh digunakan oleh pensyarah sebagai salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pada Siri 1, objektif bengkel adalah bagi membudayakan penghasilan dan penggunaan bahan digital hasil ciptaan sendiri (kandungan asli) oleh tenaga pengajar di UTeM dan seterusnya meningkatkan penerbitan bahan digital di kalangan pengajar UTeM. Hasil pembelajaran Bengkel eBook siri 1 ini adalah:

- a) Mendedahkan peserta kepada konsep-konsep asas pembangunan eBook dan
- b) Menghasilkan rekabentuk pembelajaran eBook bagi subjek yang diajar atau mengikut kepakaran tenaga pengajar.

Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara pada awal 2020 dan pertengahan 2021, pembangunan eBook Siri 2 telah dilaksanakan secara dalam talian pada 2 Disember 2021. Bengkel ini adalah lanjutan dari Bengkel Asas Pembangunan eBook (Siri 1) yang mana tujuan bengkel Siri 2 ini adalah untuk memberi tunjuk ajar kepada peserta dalam mempraktikkan pengetahuan yang diperolehi di dalam Bengkel Asas Pembangunan eBook sehingga terhasilnya template buku interaktif/ buku elektronik yang diperlukan dan seterusnya membangunkan eBook mengikut piawaian *open educational resources*

(OER). Hasil pembelajaran bengkel pembangunan *eBook* Siri ke-2 ini adalah:

- a) Membangunkan *eBook* kandungan asli bagi kursus yang diajar berdasarkan rekabentuk pembelajaran yang disediakan serta mematuhi hak cipta.
- b) Adaptasi *Tips and tricks* dalam penghasilan *eBook* menggunakan *tools*, perisian dan aplikasi terpilih serta
- c) Melengkapkan sebuah *eBook* mengikut piawaian yang disediakan oleh pihak PSTP/UTeM. Seramai 11 orang peserta dari pelbagai fakulti telah menyertai kedua-dua siri Bengkel Pembangunan *eBook* yang dianjurkan. Sasaran PSTP dalam **menghasilkan 5 *eBook*** pada tahun 2021 dapat dipenuhi dengan jayanya dengan bantuan dan komitmen dari semua peserta yang terlibat.

Ujian Kompetensi MOOC

Bagi tahun 2021 seramai 161 orang pelajar telah lulus 100% dalam ujian kompetensi MOOC bagi Semester 1, 2 dan 3. Pelajar yang mengambil ujian kompetensi MOOC bagi tujuan pindah kredit terdiri dari fakulti, FTKEE, FTKMP, FKE, FTMK, FKM, FKP, dan FPTT. Jadual 12 di bawah adalah bilangan pelajar yang mengambil ujian mengikut fakulti.

i) Semester 1 2020/2021

Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 telah dilaksanakan pada 18 Januari 2021 bagi Semester 1 Sesi 2020/2021 melibatkan sejumlah 130 pelajar dari FTKEE, FTKMP, FKE, FTMK, FKM, FKP dan FTKMP.

Jadual 12 | Bilangan Pelajar Mengikuti Kursus MOOC Mandarin 1 Semester 1 2020/2021

Fakulti	Kaedah Pelaksanaan	Jumlah Pelajar
FTKEE, FKE, FTMK, FKM, FKP DAN FTKMP	P&P (100% MOOC) UJIAN KOMPETENSI MOOC	130

ii) Semester 2 Sesi 2020/2021

Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 telah dilaksanakan pada 3 Jun 2021 bagi Semester 2 Sesi 2020/2021 melibatkan sejumlah 30 pelajar dari FTMK, FKEKK dan FPTT.

Jadual 13 | Bilangan Pelajar Mengikuti Kursus MOOC Mandarin Semester 2 Sesi 2020/2021

Fakulti	Kaedah Pelaksanaan	Jumlah Pelajar
FTMK, FKEKK dan FPTT	P&P (100% MOOC) UJIAN KOMPETENSI MOOC	30

iii) Semester 3 Sesi 2020/2021 (Semester Khas)

Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 telah dilaksanakan pada 2 September 2021 bagi Semester 3 2020/2021 melibatkan sejumlah 1 pelajar dari FTMK.

Jadual 14 | Bilangan Pelajar Mengikuti Kursus MOOC Mandarin 1 Sem 3 Sesi 2020/2021

Fakulti	Kaedah Pelaksanaan	Jumlah Pelajar
FTMK	P&P (100% MOOC) UJIAN KOMPETENSI MOOC	1

Pelaksanaan Bengkel Anjuran Pusat Sumber dan Teknologi Tahun 2021

Pusat Sumber dan Teknologi pengajaran telah menganjurkan sebanyak 23 bengkel dan seramai 1,071 orang peserta hadir ke bengkel secara bersemuka dan secara atas talian. Bengkel anjuran PSTP di pecahkan dalam 4 kategori iaitu:

- i) Melahirkan Pakar Asas eKandungan
- ii) Melahirkan Pakar Pertengahan eKandungan Berkualiti
- iii) Mentranformasikan Kecemerlangan Pendidikan Maya Menerusi Pengurusan Infrastruktur dan Pembangunan Infostruktur
- iv) Pembudayaan e-Pembelajaran Dalam Strategi P&P di Kalangan Para Akademik

Jadual 15 | Senarai bengkel anjuran Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran bagi tahun 2021

Bil	Senarai Bengkel	Tarikh	FKEKK	FKE	FTMK	FKP	PPB	IPTK	FKM	FPTT	FTKMP	FTKEE	Jumlah Kehadiran
Bengkel Secara Bersemuka													
1	Bengkel Kesetaraan Kursus Secara MOOC	26 Mac		7	7	2	1		3		2	1	23
2	Bengkel Asas Penggunaan Apps Sebagai Elemen Pengajaran Dan Pembelajaran	12 April	4	2	2	1	4		3	1	3	3	23
3	Bengkel Pembangunan e-BOOK Siri 1	30-31 Mac	1		12	3	2	1	2		1	6	28
4	Bengkel Pembangunan MOOC Siri 1	5-6 April	1	3	3	2	1		4	3	2	1	20
Secara Dalam Talian													
5	Bengkel Exam Portal Siri 1	14 Jun	32	50	93	28		1	41	9	43	79	376
6	Bengkel Asas Penggunaan Learning Management Sesi	3 Jan			24								24
7	Bengkel Asas Penggunaan Learning Management Sesi 2	12 Mac				13						12	25
8	Bengkel Asas Penggunaan Learning Management Sesi 3	15 Mac								9			9
9	Bengkel Asas Penggunaan Learning Management Sesi 4	22 April		14			1	10	15	13			53
10	Bengkel Pembangunan OCW / Bahan Pengajaran Berimpak Tinggi Digital Siri 1	24-25 Mac	2	1	7	2	4	1			6	5	28
11	Bengkel Exam Portal Siri 2	12 Dis	11	21	19	6			30	12	32	22	153
12	Bengkel Reka Bentuk Instruksi (ID) (Asas)	16 Ogos	3	3	3	4	1	2	4	2	3	3	24
13	Bengkel Pembangunan Micro Credential (Pemetaan Kursus) sesi 1	17 Ogos	6	2	5	5							18
14	Bengkel Pembangunan MicroCredential (Pemetaan Kursus) sesi 2	18 Ogos					2	4		5			11
15	Bengkel Pembangunan Micro Credential (Pemetaan Kursus) sesi 3	19 Ogos							3		4	8	15
16	Bengkel Reka Bentuk Instruksi (ID) Pertengahan	7 Sept	2	1	3	3	1	2	3	2	1	3	21
17	Bengkel Pertengahan Penggunaan Apps Sebagai Elemen Pengajaran Dan Pembelajaran	20 September	3	2	2	1	4		3	4	1	1	21

Bil	Senarai Bengkel	Tarikh	FKEKK FKE FTKM FKP PPB IPTK FKM FPTT FTKMP FTKEE									Jumlah Kehadiran	
			Bengkel Secara Besemuka										
18	Bengkel Penggunaan Learning Management Pertengahan sesi 1	28 September	23	8		8			8		1	12	60
19	Bengkel Penggunaan Learning Management Pertengahan sesi 2	29 September	4		15		11	5		25		1	61
20	Bengkel Pembangunan e-Book Siri 2	2 Disember	1		6	2		1	1	1	1	1	14
21	Bengkel Pembangunan OCW / Bahan Pengajaran Berimpak Tinggi Digital Siri 2	6 Disember	2	1	4	1	1	1			2	1	13
22	Bengkel Pembangunan MOOC Siri 2	7 Disember	2	3	4	2			4	1	1	1	18
	Bengkel Pembangunan Micro Credential UTeM & (PSPP)	16 Disember	2		5	2	2	1	3		3	3	21
23	Bengkel Pembangunan ODL (FPTT)/Micro Credential	16 Disember								8			8
Jumlah Kehadiran			99	118	214	85	35	29	127	86	115	163	1,071

Anugerah Akademik Universiti 2020

Bagi permohonan Anugerah Akademik Universiti tahun (AAU) 2020 sebanyak 38 permohonan bagi 9 kategori yang terdiri daripada Anugerah Akademik Harapan, Anugerah Pengajaran, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Inovasi & Pengkomersilan Produk, Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal, Anugerah Kualiti Makalah, Anugerah Khas Kumpulan dan Anugerah Inovasi e-Pembelajaran.

Sebanyak 21 permohonan yang melepasi penilaian peringkat Fakulti dan melepasi titik ambang kategori untuk dibawa ke peringkat Teknikal dan seterusnya ke peringkat Universiti. Bagi pemilihan Tokoh Akademik pula, pihak Universiti melantik Panel Jawatankuasa Pencarian Tokoh Akademik untuk mempertimbangkan calon tokoh akademik yang telah menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

AAU 2020 telah berlangsung dengan jayanya dan telah disempurnakan penyampaian Anugerah Akademik Universiti 2020 oleh YBhg. Profesor Ir. Dr. Ghazali Omar, menjalankan fungsi Naib Canselor di Dewan Kuliah FKP pada 3 Nov 2021 dengan tema *Aspiring Educator; Thriving Future Nation*. Penerima tokoh akademik menerima wang tunai RM 8,000 beserta trofi dan sijil, bagi penerima Anugerah menerima wang tunai RM 4,000 beserta trofi dan sijil manakala penerima saguhati menerima wang tunai RM 500 beserta sijil.

Jadual 16 | Penerima Anugerah bagi Anugerah Akademik Universiti 2020

Bil	Kategori Anugerah	Penerima Anugerah	
1	Anugerah Tokoh Akademik	Prof. Datuk Dr. Mohd Taib Hj Dora	
	Kategori Anugerah	Penerima Anugerah	Saguhati
2	Anugerah Akademik Harapan	Dr. Wira Hidayat Mohd Saad (FKEKK)	Ts. Dr. Norfariza Ab. Wahab (FTKMP)
3	Anugerah Pengajaran	Tiada	Tiada
4	Anugerah Penerbitan Buku Bidang Sains dan Teknologi	Tiada	Profesor Ir.Dr.Puvavaran A/L Perumal (FKP)
	Anugerah Penerbitan Buku Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial	Tiada	Tiada
5	Anugerah Penyelidikan	Ts. Dr. Mohd Azli Salim (FKM)	Tiada
6	Anugerah Inovasi & Pengkomersilan Produk	Ir.Ts Dr. Anuar Mohamed Kassim (FKE)	Tiada
7	Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal	Ts. Dr. Mohd Azli Salim (FKM)	Profesor Madya Ir. Dr. Sivakumar A/L Dhar Malingam (FKM) Profesor Madya Dr. Mohd Fadzli Abdollah (FKM)
8	Anugerah Kualiti Makalah Jurnal	Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Shukor Salleh (FKP)	Encik Iskandar Waini (FTKMP) Dr. Najiyah Safwa Kashi'e (FTKMP)
9	Anugerah Khas Kumpulan	Tiada	Tiada
10	Anugerah Inovasi e-Pembelajaran	Dr. Nurzareen Zulkarnain (FTMK)	Dr. Ulka Chandini Pendit (FTMK)

Penganjuran Latihan 2021

Secara umum, latihan anjuran CAES terdiri daripada kursus kompetensi (termasuk kursus wajib dan kursus asas pengajaran) dan sesi perkongsian *Scholar's Talk*. Kesemua program ini merangkumi 4 komponen utama iaitu:

- i) Professional dan Nilai,
- ii) Pengajaran dan Pembelajaran (P&P),
- iii) Penyelidikan dan
- iv) Perkhidmatan dan Pengamalan.


Setiap komponen juga di petakan ke beberapa kompetensi yang khusus.

Bagi tahun 2021, sebanyak 30 latihan telah dilaksanakan dan berdasarkan situasi semasa pandemik COVID-19 yang masih belum reda dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara berfasa,

semua latihan CAES telah di laksanakan secara dalam talian dari 17 Mac 2021 sehingga 23 November 2021 melalui platform Webex dan U-Training (<https://pstpapps.utm.edu.my/utrainning/login/index.php>).

Bagi tujuan pembelajaran sendiri staf akademik boleh membuat rujukan melalui capaian akses kepada rakaman latihan/webinar dan bahan setiap latihan di laman web CAES <https://caes.utm.edu.my/training>

Infografik Kursus Anjuran CAES 2021



Agenda Berimpak

UTeM Tawar Perundingan Khidmat Latihan Pensyarah Universiti Swasta

Pusat Kecemerlangan dan Kersarjanaan Akademik (CAES), UTeM telah memberikan khidmat latihan kepada 15 orang Pensyarah University Malaysia of Computer Science & Engineering (UNIMY) pada 15 dan 16 Mac 2021 lalu di Kampus UNIMY, Cyberjaya. Latihan selama 2 hari ini dilaksanakan dengan tajuk latihan *Effective Teaching* dan *Learning Delivery Via Outcome Based Approach (OBE)*.

UTeM Anjur InTReD'21 Semarakkan Aktivi Penyelidikan dan Inovasi Kesarjanaan dan Pembelajaran

Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES), UTeM telah menganjurkan *Innovative Teaching & Learning Research Day 2021 (InTReD 2021)* di Kampus Teknologi Ayer Keroh secara maya pada 9 Disember 2021.

Program ini adalah program kali ketiga dilaksanakan oleh CAES dan telah menjadi acara tahunan bermula pada tahun 2018. Pelaksanaan program ini diharapkan dapat menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi kesarjanaan pengajaran

dan pembelajaran dalam kalangan staf akademik UTeM. Program ini juga menjadi landasan kepada semua staf akademik untuk berkongsi dan bertukar-tukar idea dalam menghasilkan portfolio pengajaran yang terbaik serta percambahan idea dan usaha bagi menyokong atribut 'Pendidik Berinspirasi' di UTeM.

InTRed'21 telah menerima 52 penyertaan keseluruhan track iaitu *Creative and Innovative Teaching and Learning, Learning Technology, Learning Skills, TVET Teaching and Learning, STEM Education dan e-Teaching Portfolio*. Terdapat pemenang bagi track satu hingga lima untuk *Best Paper Award, Best Poster Presentation Award* dan pemenang pingat emas, perak dan gangsa bagi setiap track manakala bagi track enam pula ada 3 pemenang bagi *Outstanding e-Teaching Portfolio Awards* dan kesemua pemenang akan menerima sijil penghargaan.

Kilang Pengajaran (Teaching Factory)

Kilang Pengajaran merupakan pelan yang digariskan dalam Nota Kabinet bertarikh 22 Oktober 1999 berkaitan penubuhan IPTA model 2. Nota Kabinet ini telah menyatakan bahawa Universiti Teknikal akan menjalankan fungsi Kilang Pengajaran (analogi dengan Hospital Universiti) bagi menjayakan konsep pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan '*Problem Centered, Action and Experiential Learning*'. Berbeza dengan makmal dan bengkel yang biasa dijalankan di UTeM, Kilang Pengajaran menjalankan aktiviti sebenar penghasilan produk dan perkhidmatan. Ia dilengkapi dengan kemudahan moden termasuk kemudahan fasiliti seperti inkubator untuk pengeluaran produk-produk akhir kepada industri.

Setakat 31 Disember 2021 seramai 99 Pelajar yang telah berjaya menamatkan latihan industri di Kilang Pengajaran, UTeM. Berikut adalah pecahan bilangan pelajar daripada IPTA yang terlibat.



Menyediakan Platform Untuk Pelajar Menjalani Latihan Industri

Dalam memastikan fungsi penubuhan Kilang Pengajaran tercapai objektifnya maka, pengambilan pelajar-pelajar UTeM dan pelajar luar untuk mengikuti Latihan Industri telah bermula sejak Julai 2020. Seramai 99 orang pelajar telah berjaya menamatkan latihan industri di Kilang Pengajaran, UTeM sehingga Disember 2021.

Subjek bersama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Kilang Pengajaran mewujudkan kursus bersama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) bagi latihan industri dan Projek Sarjana Muda (PSM). Setakat ini seramai 15 orang pelajar daripada FKP telah menjalani latihan industri di Kilang Pengajaran. Subjek yang terlibat merupakan *modelling and simulation* yang telah diikuti oleh pelajar tersebut. Selain itu, staf akademik di Kilang Pengajaran turut membawa masuk pelajar *Final Year Projek* (FYP). Seramai 10 orang pelajar Sarjana Muda, 2 pelajar Sarjana Penyelidikan, seorang pelajar Sarjana Kejuruteraan dan seorang pelajar Doktor Falsafah merupakan seliaan di bawah staf akademik Kilang Pengajaran, UTeM bagi menjalankan projek yang terlibat.

Pendaftaran Pelajar & Taklimat Program Ijazah Sarjana Muda (Separa Masa)

Pada tahun 2021, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) UTeM telah menerima 72 orang pelajar baharu yang telah mendaftar secara rasminya sebagai pelajar UTeM 11 Mac 2021 dan 7 Oktober 2021. Pendaftaran ini telah dijalankan secara dalam talian yang diuruskan oleh PPSH dengan kerjasama beberapa Pusat Tanggungjawab untuk memastikan kelancaran proses pendaftaran ini dijalankan.

Pada kemasukan kali ini, pelajar baharu adalah terdiri daripada 3 program iaitu:


- (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian (BEKG) – 40 orang
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian (BMCG) – 14 orang dan
- (iii) Ijazah Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian (BEEI) – 18 orang

Taklimat kepada semua pelajar baharu juga telah dilaksanakan untuk memperkenalkan kepada mereka pengenalan sejarah UTeM, program yang diambil, peraturan akademik separa masa yang terkini serta proses PnP di musim pandemik ini. Taklimat secara ini telah dipengerusikan oleh Penyelaras Pentadbiran Program Separa Masa dengan penglibatan Penyelaras Akademik (Separa Masa) mengikut program masing-masing.

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) sentiasa membuka ruang dan peluang permohonan kemasukan sepanjang tahun untuk kemasukan seterusnya. Sehingga kini, UTeM menawarkan 15 program Ijazah Sarjana Muda Mod Separa Masa yang memfokuskan dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan serta teknologi maklumat dan komunikasi di UTeM.

Penganjuran Kursus *Online Training for Design Optimisation Using Ansys*

Antara salah satu aktiviti penajaan pendapatan universiti yang dilaksanakan oleh Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) adalah dengan mengadakan kursus jangka masa pendek dengan menggunakan fasiliti dan sumber tenaga yang berkemahiran di UTeM. Pada 25 Julai 2021, PPSH telah menganjurkan kursus secara atas talian iaitu *Online Training for Design Optimisation Using Ansys* oleh Dr. Mohd Najib Ali Mokhtar yang disertai seramai 33 orang peserta.



Penganjuran Kursus *Malaysian University English Test (MUET)*

PPSH dengan usahasama Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB) telah menganjurkan kursus MUET yang disertai 3 orang pelajar separa masa bagi menduduki MUET pada Oktober 2021. Kos penyertaan yang dikenakan adalah sebanyak RM150.00 seorang pelajar dan pusat peperiksaan di UTeM. Penyediaan menduduki MUET adalah dilatih oleh dilatih oleh pensyarah PPB yang berkemahiran sebagai persediaan kepada pelajar separa masa untuk memastikan mereka mendapat keputusan yang baik sebelum bergraduat.

Program Jom Masuk IPT Sempena Showcase 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia

Pada 10 hingga 12 Disember 2021, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) telah menyertai Program Jom Masuk IPT Sempena Showcase 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC). Promosi ini adalah sebagai salah satu inisiatif PPSH untuk mempromosikan UTeM dan program akademik (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Mod Separa Masa dan Sepenuh Masa) yang ditawarkan kepada pengunjung di 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia.



7.0
Merintis Teknologi Masa
Hadapan





Merintis Teknologi Masa Hadapan

Pemilikan Geran Penyelidikan


Pemilikan Geran Penyelidikan di UTeM dikategorikan kepada beberapa jenis geran iaitu Geran Nasional, Geran Swasta & Industri, Antarabangsa dan Universiti.

Walaupun negara masih berada dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 pada tahun 2021, UTeM masih mampu mencatatkan pemilikan geran penyelidikan keseluruhan iaitu sebanyak RM 5,511,171.71. Ini menunjukkan agenda penyelidikan tetap diteruskan biarpun berlaku penurunan dari segi jumlah nilai geran berbanding tahun sebelumnya.

Berikut adalah pencapaian pemilikan geran penyelidikan UTeM bagi tahun 2021 :

Geran	Nasional	Swasta & Industri	Antarabangsa	Universiti
RM	3,866,336.00	1,138,946	70,689.71	428,200.00

Jumlah keseluruhan: RM 5,511,171.71



Rajah 11 | Taburan Pemilikan Geran Penyelidikan UTeM Bagi Tahun 2021

Senarai Penerima Geran Penyelidikan

Jadual 17 | Antara Geran Penyelidikan diterima UTeM

BIL	Nama Industri	PTj	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek	Nilai Geran Yang Diperolehi
1	HRSB Holdings Sdn Bhd	AMC	Dr. Mohd Shukri Bin Yob	<i>Development of Extendble Bundle Puller for Refinery Plant</i>	RM 400,000.00
2	MALQA PLT	FPTT	Prof. Madya Dr. Mohd Syaiful Rizal Bin Abdul Hamid	<i>The Development of Highly Intuitive Mobile Apps for Smart Document Management System (SDMS) in Supporting Malaysia Sustainability</i>	RM 50,000.00
3	Malaysian Technical Standards Forum Bhd	FTKEE	Dr. Haslinah Binti Mohd Nasir	<i>AI-IOT Based Interactive Children Educational Application</i>	RM 33,946.00
4	Malaysian Technical Standards Forum Bhd	FKEKK	Dr. Mohd Riduan Bin Ahmad	<i>Lightning Interference in 4G Wireless Communication Links</i>	RM 142,000.00
5	Endstruct Schematix Sdn Bhd	FKEKK	Dr. Muhammad Idzdihar Bin Idris	<i>Development of Robust Autonomous Localization and Navigation Using Deep Q Learning for Outdoor Autonomous Transporter (OAT)</i>	RM 140,000.00
6	Pusat Rehabilitasi Perkeso Sdn Bhd	AMC	Prof. Madya Dr. Mohd Juzaila Bin Abd. Latif	<i>Development of New Multipurpose Crutch for Physiotherapy Rehabilitation Program</i>	RM 40,000.00
7	Universal Horizon Sdn. Bhd.	FPTT	Prof. Madya Dr. Mohammed Hariri Bin Bakri	<i>DDK Blockchain Case Study and Blockchain Syariah Perspective</i>	RM 10,000.00
8	Handy Engineering Sdn. Bhd.	FKM	Ir. Dr. Fudhail Bin Abdul Munir	<i>Development of Low Cost Online Monitoring System for Machine Vibration Using Mems Sensor</i>	RM 40,000.00
9	Masburan Sdn. Bhd.	FKP	Prof. Dr. Md Nizam Bin Abd Rahman	<i>Development of Sterilization Methods for Food in Retort Pouch Using NACL –H2O Solution</i>	RM 20,000.00
10	ASK PENTEST SDN BHD	FTMK	Dr. S.M.Warusia Mohamed Bin S.M.M Yassin	<i>Fingerprint and Facial Identification Using Enhanced Artificial Intelligent Algorithm</i>	RM 20,000.00
11	PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA	FTKMP	Ts. Dr. Nur Rashid Bin Mat Nuri @ Md Din	<i>Development of Trash Collector Conveyer and Water Quality Management Systems for Sungai Melaka</i>	RM100,000.00
12	NADI AERO CONSULTANTS SDN. BHD.	AMC	Prof. Madya Dr. Raja Izamshah Bin Raja Abdullah	<i>Development of High Performance Trimming Cutter for Matching Aerospace CFRP Components</i>	RM 20,000.00
13	AEROSPACE MALAYSIA INNOVATION CENTRE	FKE	Dr. Mohd Khairi Bin Mohamed Nor	<i>Development of Robotic Control System for Composite Trimming of A320 Top Cover Components.</i>	RM 120,000.00

Jumlah : RM 1,135,946.00

Kolaborasi Institusi dan Industri

Memorandum Kerjasama Berimpak

Pemilikan Geran Penyelidikan di UTeM dikategorikan kepada beberapa jenis geran iaitu Geran Nasional, Geran Swasta & Industri, Antarabangsa dan Universiti.

Walaupun negara masih berada dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 pada tahun 2021, UTeM masih mampu mencatatkan pemilikan geran penyelidikan keseluruhan iaitu sebanyak RM 5,511,171.71. Ini menunjukkan agenda penyelidikan tetap diteruskan biarpun berlaku penurunan dari segi jumlah nilai geran berbanding tahun sebelumnya.

Berikut adalah pencapaian pemilikan geran penyelidikan UTeM bagi tahun 2021 :

Memorandum Persefahaman (MoU)

Jadual 18 | Senarai MoU yang telah berjaya dimeterai

BIL	Institusi/Agensi	PTJ	Tajuk
1.	Amity University Rajasthan	FKEKK	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Amity University Rajasthan</i>
2.	Coventry University	FTMK	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Coventry University</i>
3.	Liverpool John Moores University	FKP	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Liverpool John Moores University</i>
4.	Nagaoka University Of Technology	FTKMP	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Nagaoka University Of Technology</i>
5.	Jeonbuk National University	IPTK	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Jeonbuk National University</i>
6.	Tokyo University of Agriculture	FTK	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Tokyo University of Agriculture</i>
7.	Universitas Semarang	FPTT	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Universitas Semarang</i>
8.	Universitas Mulia	IPTK	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Universitas Mulia</i>
9.	King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang	FKEKK	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang</i>
10.	Nagoya University	FKM	<i>Memorandum of Understanding between UTeM and Nagoya University</i>

Memorandum Perjanjian (MoA)

Jadual 19 | Senarai MoA yang telah berjaya dimeterai


Bil	Nama Industri	Pusat Tanggung jawab	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek	Nilai Geran Yang Diperolehi
1	HRSB Holdings Sdn Bhd	AMC	Dr. Mohd Shukri Bin Yob	<i>Development of Extendble Bundle Puller For Refinery Plant</i>	RM 400,000.00
2	MALQA PLT	FPTT	Prof. Madya Dr. Mohd Syaiful Rizal Bin Abdul Hamid	<i>The Development of Highly Intuitive Mobile Apps for Smart Document Management System (SDMS) in Supporting Malaysia Sustainability</i>	RM 50,000.00
Perlaksanaan operasi dan penyelenggaraan yang terbaik menjadi agenda utama universiti amnya bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan warga kampus sentiasa terjamin. Pelbagai kaedah pengurusan penyelenggaraan dilaksanakan dalam mendepani era globalisasi.


i. Kerja Menaik Taraf *Building Automation System*

Bagi menyahut dan menyokong hasrat pendigitalan sektor awam, Universiti telah melaksanakan aktiviti pendigitalan operasi perkhidmatan bangunan dengan penyiapan kerja naik taraf *Building Automation System* (BAS) pada tahun 2021. Naik taraf BMS yang menelan belanja hampir RM3.1 juta ini membolehkan 3 operasi perkhidmatan bangunan iaitu sistem hawa dingin berpusat, sistem lif penumpang dan sistem udara termampat berpusat dikawal dan diselia menggunakan aplikasi komputer.

Naik taraf ini juga memudahkan pengawalan operasi perkhidmatan bangunan yang terlibat tanpa perlu hadir ke lokasi peralatan di samping memudahkan pengawalan prestasi perkhidmatan dibuat. Selain daripada itu, hasil daripada naik taraf BMS ini maka 3 laporan berkaitan operasi kritikal bagi sistem pengokol (chiller), sistem lif penumpang dan penggunaan tenaga telah dapat dijana secara digital apabila diperlukan. Laporan-laporan ini membantu dalam membuat keputusan berkaitan keperluan penyelenggaraan berkala, pembaikan dan penggantian aset.



Building Management System (BMS) di UTeM



Kerja-kerja menaik taraf *Building Automation System*

ii. Peningkatan Kompetensi Staf Teknikal




Peningkatan kompetensi dikalangan staf teknikal merupakan satu elemen yang penting dalam pengurusan penyelenggaraan. Pada tahun 2021, seorang staf pengurusan telah menghadiri dan diiktiraf sebagai kompeten Meterai Hijau Melaka yang merupakan salah satu agenda Matlamat Pembangunan Mampan atau “Sustainable Development Goals” (SDG) Negeri Melaka. Selain daripada itu, 7 orang staf pengurusan dan sokongan telah dihantar menghadiri kursus-kursus teknikal berkaitan tugas antaranya Kejuruteraan Forensik, Forensik ACMV, Penyelenggaraan Lif, Rekabentuk ACMV dan lain-lain lagi. Dengan adanya tenaga mahir dikalangan staf, universiti berharap agar masalah penyelenggaraan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan mengikut amalan kejuruteraan terbaik.

iii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan dan Lain-Lain Prasarana

Pada tahun 2021, Pejabat Pengurusan Fasiliti membelanjakan sejumlah hampir RM2.61 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala bangunan dan kemudahan milik Universiti dengan 9 kontrak penyelenggaraan pencegahan /penyelenggaraan berkala. Bagi mengawal kualiti kerja kontraktor penyelenggaraan yang dilantik, sebanyak hampir 85 laporan penyelenggaraan telah disediakan dan sebanyak 10 mesyuarat semakan prestasi telah dilaksanakan.

Hasil daripada perbelanjaan penyelenggaraan berkala yang dikeluarkan, Pejabat Pengurusan Fasiliti telah mencapai 94.76% *one time fix* iaitu pembaikan dilaksanakan dan kerosakan sama tidak berulang dalam tempoh terdekat. Pencapaian purata tempoh penyediaan aduan kerosakan pula mencapai 91.55% iaitu melebihi daripada sasaran 80% tempoh penyediaan aduan yang ditetapkan.



Pembaikan kerosakan yang dilakanakan secara dalaman di bengkel


Aduan Kerosakan Tahun 2021



Rajah 21 | Menunjukkan hasil daripada penyelenggaraan berkala Pejabat Pengurusan Fasiliti telah mencapai 94.76% “one time-fix”

iv. Perkhidmatan Pencucian, Pembersihan Bangunan dan Perkhidmatan Landskap

Pejabat Pengurusan Fasiliti juga menyediakan perkhidmatan teknikal seperti perkhidmatan pencucian dan pembersihan bangunan, perkhidmatan landskap dan pembersihan kawasan serta perkhidmatan sanitari. Untuk memastikan bangunan dan kemudahan Universiti sentiasa berada dalam keadaan bersih, Universiti telah membelanjakan sebanyak hampir RM4.07 juta pada tahun 2021. Keadaan persekitaran kerja dan belajar yang bersih adalah diharapkan dapat menyumbang kepada keselamatan dan kesihatan staf dan pelajar secara keseluruhannya.



Perkhidmatan Pencucian dan Pembersihan Bangunan, Perkhidmatan Landskap Dan Pembersihan Kawasan

v. Kerja-Kerja Disinfeksi Ruang

Pada tahun 2020, dunia dilanda pandemik COVID-19 yang berterusan sehingga tahun 2021 yang lalu. Bagi memastikan pandemik dapat dikawal di dalam persekitaran Universiti dan mengelakkan kemerebakan virus dikalangan pelajar dan staf, sebanyak 121 kerja-kerja disinfeksi ruang telah dilaksanakan dan menelan kos berjumlah hampir RM160,000.00. Pelaksanaan kerja disinfeksi separuh tahun pertama dilaksanakan oleh kontraktor menggunakan kaedah disinfeksi am iaitu mengelap permukaan menggunakan bahan yang diluluskan. Bagi memastikan kawalan yang lebih baik dapat dibuat terutamanya semasa kemasukan semula pelajar ke kampus, bermula separuh tahun kedua 2021, kerja-kerja disinfeksi ruang dibuat secara semburan menggunakan bahan dan kaedah yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Daripada keseluruhan 121 kerja disinfeksi ruang yang dilaksanakan, 48 daripadanya dilaksanakan oleh pasukan disinfeksi Pejabat Pengurusan Fasiliti secara dalaman.




Kerja-kerja disinfeksi ruang yang dilakukan oleh staf Pejabat Pengurusan Fasiliti





10.0
Gedung Ilmu dan
Institusi Repositori



Gedung Ilmu dan Institusi Repositori

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM: Maklumat Untuk Semua

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM khususnya dan negara amnya.

Perpustakaan Laman Hikmah mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada pengguna. Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal.

Sehingga Disember 2021, koleksi perpustakaan adalah berjumlah 136,623 judul bahan meningkat berbanding tahun 2020 sebanyak 134,178 judul yang merangkumi buku, jurnal, majalah, audio visual dan media elektronik manakala perkhidmatan dan operasi perpustakaan disokong oleh sistem berkomputer perpustakaan.

Pada tahun 2021, 6 pangkalan data yang telah dilanggan oleh perpustakaan berbanding 14 pangkalan data pada tahun 2020. Pangkalan data ini merangkumi e-journal, e-book dan perkhidmatan untuk diakses oleh warga UTeM. Pembaharuan langganan ini tidak dapat diteruskan berikutan langkah penjimatan Universiti berdepan dengan Pandemik COVID-19.

Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan. Perpustakaan Laman Hikmah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan misi perpustakaan iaitu menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong visi dan misi UTeM.

Institusi Repositori & Digital Collection UTeM

PLATFORM IR	
IR UTeM <ul style="list-style-type: none">• Mengumpul, memusat, memelihara semua hasil penyelidikan dan penerbitan warga UTeM secara sistematik dan berpusat• Penyebaran dan perkongsian maklumat mengenai karya ilmiah• Bahan yang ada nilai keterlihatan kepada UTeM secara global dan penarafan universiti.• Bahan seperti artikel, seminar, bab dalam buku, buku, patent, tesis• http://eprints.utem.edu.my/	DC UTeM <ul style="list-style-type: none">• Selain bahan di dalam IR UTeM• Bahan seperti Projek Sarjana Muda, pameran, image, video, audio, teks ucapan N.C, dan lain-lain.• Bahan yang mempunyai nilai carian untuk keterlihatan UTeM• http://digitalcollection.utem.edu.my/

Institusi Repositori (IR UTeM) berperanan dalam menyimpan, menyebarkan dan memelihara koleksi UTeM dalam bentuk digital. Selaras dengan pertambahan koleksi dan fokus, platform IR UTeM dikembangkan kepada dua dengan kewujudan Digital Collection UTeM.

Secara perkembangannya pada tahun 2019, jenis bahan di IR UTeM di bahagikan kepada dua bahagian iaitu IR UTeM dan Digital Collection. IR UTeM memfokuskan kepada bahan ilmiah bagi menyokong keterlihatan UTeM sehingga kini mempunyai 7,937 judul. Manakala *Digital Collection* menempatkan PSM dan bahan umum mempunyai 13,036 judul. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah bahan di dalam kedua-dua platform ini secara keseluruhan ialah 20,973 judul. Penambahan bahan bagi kedua-dua platform ini sedang dipergiat bermula pada tahun 2020 bagi mencapai objektifnya.

Library Outreach: Research Visibility: Google Scholar Profile

Library Outreach: Research Visibility: Google Scholar Profile telah diadakan pada 27 Oktober 2021 bermula jam 2.30 petang hingga 3.30 petang. Library Outreach ini diadakan secara dalam talian menggunakan platform Webex.

Library Outreach ini diadakan bertujuan bagi membantu penyelidik, ahli akademik dan pelajar dalam mendapatkan maklumat terkini mengenai Google Scholar Profile serta tips dalam mengemaskini Google Scholar Profile bagi meningkatkan visibiliti penyelidik. Seterusnya, ia juga merupakan strategi terbaik untuk mendapatkan rakan kolaborasi dalam penerbitan jurnal yang bermutu tinggi.

LIBRARY OUTREACH

Research Visibility: Google Scholar Profile

SPEAKER
Nor Ilyah Othman
(Librarian, Research Support Unit, PLH)

TOPICS COVERED:
- Create & Manage Google Scholar Profile
- Citation Indices: Citation, h-index & i10-index
- Why it benefits you

27 October 2021 (Wednesday) **2:30 pm – 3:30 pm**

PLATFORM
Cisco **webex**

REGISTER HERE

Perpustakaan Laman Hikmah

Register Now! <https://bit.ly/3vUUDg>
Any Inquiries: zuraidah.amar@utem.edu.my (06-2701226)

Perkhidmatan Pinjaman Melalui Pos

Kelulusan memperkenalkan perkhidmatan ini telah mendapat Kelulusan melalui Mesyuarat Eksekuti Universiti bil.5 Tahun 2021. Perkhidmatan ini dibuka kepada semua pengguna yang terdiri daripada staf dan pelajar termasuk pelajar pesisir dan separuh masa pada Jun 2021.

PLH memberikan perhatian terhadap fleksibiliti mengakses sumber maklumat melalui pelbagai medium agar pengguna berupaya mendapatkan perkhidmatan perpustakaan walaupun ketika PKP.

Perkhidmatan Baharu PLH
PINJAMAN & PEMULANGAN BAHAN SECARA POS

SYARAT- SYARAT:-

PINJAMAN
Emelkan permohonan ke bookrequest@utem.edu.my
* Pengguna boleh meminjam maksima 3 bahan perpustakaan
* Kos ditanggung oleh pengguna secara 'cash on delivery' kepada syarikat pos/kurier

PEMULANGAN
* Pembungkusan bahan hendaklah menggunakan kaedah 'bubble wrap'
* Wajib mempunyai nombor 'tracking' dan dialamatkan ke PLH Kampus Induk
* Memaklumkan secara emel nombor 'tracking' kepada PLH

Sebarang pertanyaan sila hubungi

lamanhikmah@utem.edu.my
06-270 1225 / 1216
019-922 6651 / 013-70 31190

Perpustakaan Laman Hikmah

Pengumpulan Bahan Memori Korporat

Sehingga 31 Disember 2021, Unit Memori Korporat, Perpustakaan Laman Hikmah telah berjaya mengumpul sebanyak 29,820 bahan yang merangkumi artifak/replika, cenderahati, video peristiwa/aktiviti, gambar program-program universiti, dokumen/ rekod, buletin, keratan akhbar dan lain-lain bahan yang mempunyai nilai simbolisme kepada UTeM. Bahan-bahan ini antaranya adalah koleksi daripada Perpustakaan Laman Hikmah ini sendiri, sumbangan daripada staf, pelajar dan alumni UTeM.

Terdapat juga bahan-bahan pameran yang dikumpul daripada Galeri UTeM. Jumlah bahan yang telah dikumpul bagi tahun 2021 telah meningkat sebanyak 15,544 bahan bersamaan dengan 108.8% berbanding dengan tahun sebelumnya (14,276 bahan). Peningkatan yang sangat ketara adalah bagi pengumpulan gambar peristiwa dan program UTeM di mana Unit Memori Korporat telah menerima gambar-gambar dari Penerbit Universiti.

Jadual 35 | Jumlah Pengumpulan Bahan Memori Korporat 2020-2021

Bil.	Nama Bahan	Jumlah Bahan	
		2020	2021
1.	Artifak/ Replika	4	10
2.	Cenderahati	54	109
3.	Video peristiwa/aktiviti	1,022	1,037
4.	Gambar peristiwa dan program universiti	12,472	27,822
5.	Dokumen/rekod	66	166
6.	Buku/Buletin	566	576
7.	Lain-lain	100	92
	Jumlah Keseluruhan	29,820	14,276

Pertandingan Kongsi Foto Sempena Sambutan 20 Tahun UTeM

Pada 1 Disember 2020, UTeM telah menyambut sambutan ke-20 penubuhannya. Sempena dengan 20 tahun penubuhan UTeM, Unit Memori Korporat telah mengadakan Pertandingan Kongsi Foto terbuka kepada semua warga UTeM termasuk staf dan pelajar. Pertandingan ini telah berlangsung bermula 3 Disember hingga 31 Januari 2021. Sebanyak 65 penyertaan foto telah diterima daripada peserta di kalangan staf dan pelajar. Juri bagi pertandingan ini adalah Encik Nazirul bin Termizi yang merupakan Pereka di Penerbit UTeM.

Temubual


Dalam mengumpul maklumat-maklumat serta bahan-bahan yang berkaitan dengan penubuhan awal UTeM, projek temubual dengan tenaga penggerak UTeM di peringkat awal penubuhan UTeM diteruskan. Temubual ini adalah untuk mengetahui maklumat dan informasi berkaitan dengan penubuhan UTeM secara lebih dekat melalui pengalaman dan cerita. Bagi tahun 2021, Unit Memori Korporat tidak menasaskan temubual yang banyak memandangkan situasi pandemik yang masih lagi tidak stabil. Berikut adalah senarai nama staf yang telah ditemubual:



Pameran Bertema

Dalam memperkasa perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Memori Korporat, sebanyak 2 pameran telah disasarkan untuk dicapai dan Pameran Bertema yang dirancang adalah seperti berikut:

i. Pameran Konvokesyen




ii. Pameran Artifak Elektrik dan Elektronik

Kedua-dua pameran ini telah dijalankan secara fizikal namun bagi Pameran Artifak Elektrik dan Elektronik telah dijalankan secara fizikal dan juga Virtual Tour. Bagi pengaksesan melalui Virtual Tour adalah melalui [https://tour.klapy.com/TVX0Akwnx/?deeplinking=true&startscene=0&startactions=lookat\(43.69,0,52.88,0,0\)](https://tour.klapy.com/TVX0Akwnx/?deeplinking=true&startscene=0&startactions=lookat(43.69,0,52.88,0,0))



Berikut merupakan statistik 'viewers' daripada Virtual Tour tersebut.




Aktiviti Sumbangan Bahan Bacaan Kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka

Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) membabitkan institusi awam pertama di negeri Melaka telah beroperasi di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MiTC) Ayer Keroh pada 20 Mei 2021 yang menempatkan pesakit positif COVID-19 tahap 1 dan 2 susulan daripada peningkatan kes yang mendadak serta penambahan pesakit.

Pejabat Ketua Pegawai Maklumat telah mengambil inisiatif melaksanakan aktiviti sumbangan bahan bacaan di kalangan staf Perpustakaan Laman Hikmah, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi dan Penerbit Universiti.

Pengumpulan dan pembungkusan sumbangan bahan bacaan telah dilaksanakan oleh staf PLH pada 30 Mei 2021 dan seterusnya penyerahan sumbangan bahan bacaan telah dilakukan pada 31 Mei 2021 bersama jumlah sumbangan bahan bacaan adalah sebanyak 136 judul dan 235 naskah yang merangkumi bahan bacaan seperti buku, novel dan majalah.




Penganjuran Program Khidmat Masyarakat Perpustakaan Laman Hikmah Bersama Sekolah Kebangsaan Paya Rumput dan Sekolah Kebangsaan Ayer Merbau

Pada 5 Julai 2021, Perpustakaan Laman Hikmah telah menerima permohonan diadakan program khidmat masyarakat daripada Sekolah Kebangsaan Paya Rumput dan Sekolah Kebangsaan Ayer Merbau yang bertujuan bagi membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan pusat sumber di kalangan Pengawas Pusat Sumber sekolah tersebut. Aktiviti yang dimohon adalah mengadakan Kursus Pengurusan Pusat Sumber.

Berikutan itu, Kursus Pengurusan Pusat Sumber telah dilaksanakan pada 12 Ogos oleh Bahagian Pembangunan Sumber yang dilaksanakan secara dalam talian menggunakan *platform Google Meets* yang diuruskan oleh pihak Sekolah Kebangsaan Paya Rumput. Perpustakaan Laman Hikmah telah menyediakan esijil kepada Pengawas Pusat Sumber yang terlibat dalam Kursus Pengurusan Pusat Sumber. Modul kursus merangkumi pengenalan kepada Perpustakaan/ Pusat Sumber, proses di Perpustakaan/ Pusat Sumber, perkhidmatan dan kemudahan, pencarian bahan, peranan Pustakawan/ Pengawas Pusat Sumber dan kuiz.

Antara objektif penganjuran Kursus Pusat Sumber ialah sebagai sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah bagi membantu pihak sekolah memastikan Pusat Sumber Sekolah tersebut dapat diurus secara sistematik dan efisien bagi tujuan memupuk tabiat membaca, literasi maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan di samping meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan Pengawas Pusat Sumber dalam pengurusan pusat sumber sekolah, menyuntik keyakinan dan semangat bekerjasama berpasukan sebagai Pengawas Pusat Sumber dan memupuk dan menerapkan nilai-nilai positif di kalangan Pengawas Pusat Sumber.



Read@Uni

Perpustakaan Laman Hikmah sebagai gedung ilmu kepada warga universiti komited dan menyokong program *Read@Uni* yang telah diperkenalkan pada tahun 2018 dengan slogan “With Knowledge We Lead” dan telah dilancarkan secara rasmi pada 24 Oktober 2019 oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc. Antara objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan budaya membaca dan cintakan ilmu di kalangan warga universiti. Selain itu, program ini dapat melahirkan masyarakat berpengetahuandan minda kelas pertama. Perpustakaan Laman Hikmah telah menubuhkan jawatankuasa pelaksana *Read@Uni* yang berperanan menggerakkan aktiviti membaca secara strategik, menyebarkan dan mempromosikan program ini kepada warga universiti yang sejajar dengan kempen Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021-2030.

Pada tahun 2021, peningkatan bagi aktiviti yang dilaksanakan iaitu sebanyak 9.6 % berbanding 114 aktiviti dilaksanakan pada tahun 2020. Senario pandemik COVID-19 masih lagi merupakan faktor utama yang telah mengubah landskap dan mencipta norma baharu dalam melaksanakan aktiviti *Read@Uni*. Mekanisme secara maya menjadi dominan di mana merangkumi 55% pilihan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti ini.

Jadual 36 | Sebanyak 7 Kategori utama aktiviti *Read@Uni*

Kategori aktiviti	Bilangan aktiviti
Khidmat Komuniti	2
Peraduan	2
Latihan	8
Bual Bicara	27
Program Literasi maklumat	53
Pameran	31
Lain-lain	2
Jumlah	125



11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT



Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT

Anugerah Malaysia E-Payments Excellence Awards (MEEA) Innovation in E-Payment (Sektor Pendidikan)

UTeM telah dipilih sebagai penerima anugerah *Innovation in e-Payment* (kategori sektor pendidikan) tahun 2020 atas komitmen UTeM memperluaskan penggunaan e-Pembayaran di dalam kampus secara keseluruhan.

Anugerah Malaysia e-Payments Excellence Award (MEEA) merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh *Payments Network Malaysia* (PayNet) bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang agensi-agensi yang telah memberikan sumbangan signifikan terhadap kecemerlangan, inovasi dan pertumbuhan e-pembayaran di Malaysia.

Antara inisiatif Kampus Tanpa Tunai atau *Cashless Campus* yang telah dilaksanakan adalah seperti di bawah:



Kempen Kampus Tanpa Tunai
Tempoh Pelaksanaan : 6 bulan
Jumlah transaksi : 98,561 transaksi
Jumlah Nilai Keseluruhan : RM6.9 juta



Pingat yang dianugerahkan kepada UTeM



Jadual 37 | Pencapaian UTeM pada tahun 2021

Tahun	Kedudukan Dunia	Kedudukan Asia	Kedudukan ASEAN	Kedudukan Malaysia
2021	1272	336	28	9
2020	1563	434	38	12
2019	1812	537	48	17

Jadual 38 | Kedudukan pencapaian UTeM dalam *Webometrics* pada tahun 2021


ranking	University	Det.	Country
1268	University of West Bohemia / Západočeská univerzita v Plzni ZČU	1268	CZ
1270	University of Tennessee Chattanooga	1270	US
1270	Erciyes University	1270	TR
1272	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	1272	MY
1272	Mälardalen University / Mälardalens Högskola	1272	SE
1272	Universitas Airlangga	1272	ID
1275	Ivane Javakhsishvili Tbilisi State University	1275	GE
1276	Technical University of Košice / Technická univerzita v Košiciach	1276	SK

Aplikasi Pintar MyUTeM


Modul Saman / Denda & ePembayaran

Modul saman/denda dibangunkan bagi kemudahan pelajar dan staf mengetahui bilangan saman/denda dan juga jumlah bayaran yang perlu dibuat. Modul ini juga turut menyediakan kemudahan pembayaran secara online menggunakan kad debit/ kredit (MIGS) dan pengguna akan menerima resit pembayaran melalui notifikasi emel sebagai bukti pembayaran yang telah dibuat.

Selain daripada ePembayaran saman/denda, sumbangan kewangan kepada UTeM juga boleh dibuat secara online menggunakan aplikasi pintar myUTeM.



Rajah 24 | Antaramuka skrin Laporan Saman Staf UTeM



Rajah 25 | Antaramuka skrin sumbangan waqaf, endowmen dan bantuan bencana



Anugerah CIO Circle of Excellence

Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UTeM, Mohd Isa Mohd Dom telah dianugerahkan *CIO Circle Excellent Award Asia 2021* (platinum) daripada pihak Cisco dan CNBC-TV18. Cisco merupakan syarikat nombor satu dunia dalam bidang teknologi maklumat dan penyediaan rangkaian global bersama CNBC-TV18 menganugerahkan pengiktirafan berprestij ini kepada UTeM selaku penerima tunggal dalam bidang pendidikan.

CIO Circle Excellent Award ini merupakan anugerah yang mengiktiraf CIO organisasi-organisasi dunia yang telah menyumbangkan kejayaan merealisasikan konsep digital transformasi berimpak. Pengukuran pada kali ini berfokuskan kepada organisasi yang berdaya tahan, berkeupayaan tinggi serta mampu meneruskan operasi utama dengan jayanya dalam musim pandemik.

Anugerah berprestij bertaraf global ini sekaligus telah melonjakkan kredibiliti UTeM di persada dunia dan Asia khususnya. Pengiktirafan sebegini jelas mempamerkan UTeM sentiasa merintis dan menerajui cabaran semasa dalam memastikan keseluruhan operasinya termasuklah proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dilaksanakan dengan jayanya walau berdepan dengan kesulitan pandemik yang melanda dunia.



Penyelarasan dan Peningkatan Liputan Wifi

Bahagian Infrastruktur ICT PPPK telah melaksanakan projek penyelarasan dan penggunaan SSID MyUTeM pada kemudahan WiFi di Kampus Teknologi pada bulan Mac 2021 bagi memudahkan pengguna yang terdiri dalam kalangan staf dan pelajar supaya dapat akses kepada kemudahan WiFi samada di Kampus Induk atau di Kampus Teknologi secara seamless berbanding penggunaan lebih banyak SSID sebelum ini (UTeM-Staff, UTeM-Student, MyUTeM & UTeM Guest).

Pada asalnya, Kolej Kediaman Lestari disediakan dengan kemudahan jaringan komputer secara wired dan kemudahan WiFi yang terhad iaitu 5 unit (access point). Walau bagaimanapun, pada bulan Januari 2021, kemudahan WiFi ini telah ditambah kepada 51 unit (access point) dengan peningkatan sebanyak 90% lalu memberikan kemudahan WiFi yang lebih meluas kepada penghuni kolej ini.



Penyediaan Komputer Peribadi Bersama Kemudahan Web Conference

Antara inisiatif yang telah diambil oleh PPPK bagi memudahkan urusan pekerjaan sewaktu menghadapi era pandemik sebelum ini adalah dengan menyediakan 238 unit komputer peribadi jenama Acer dilengkapi dengan kamera *web conference*, mikrofon dan *speaker*. Komputer ini telahpun diagihkan pada bulan Jun 2021 bagi tujuan penggunaan di sebahagian bilik-bilik kuliah fakulti, ruang gunasama di Perpustakaan Laman Hikmah, Bilik Latihan 2 di PPPK serta kepada staf kumpulan pengurusan dan profesional.

Kemudahan ini turut dinikmati secara gunasama pelajar di ruang gunasama Laman Hikmah dan pensyarah di bilik-bilik kuliah manakala kemudahan di Bilik Latihan 2, PPPK pula dapat dimanfaatkan oleh peserta kursus yang terdiri daripada staf, pelajar UTeM serta staf daripada agensi luar yang menggunakan bilik latihan secara sewaan. Selain itu, kemudahan ini juga dimanfaatkan kepada staf kumpulan pengurusan dan profesional dengan penggantian peralatan komputer peribadi yang telah usang.



Modul *Outcome Based Education* – Sistem Maklumat Pasca Siswazah

PPPK telah membangunkan Modul *Outcome Based Education* - Sistem Maklumat Pasca Siswazah (OBE-SMPS) yang memfokuskan pencapaian hasil pembelajaran yang dinilai secara holistik dalam konteks pembelajaran peringkat pasca siswazah. Modul ini turut membantu bagi pematuhan dokumen ISO UTeM PK03 (perancangan pengajaran) yang mana perancangan pengajaran dapat disediakan secara dalam talian.

Penghasilan pelaporan-pelaporan penilaian dan pencapaian pelajar ini dapat disediakan dengan kaedah yang lebih sistematik dan pelaporan yang disediakan secara tidak langsung dapat membantu keperluan audit Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerksaan Holistik




Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Holistik

Pemerkasaan Siswa TUAH UTeM


Meskipun sedang mendepani pandemik COVID-19, para pelajar tetap menjalankan sebanyak **455 program** atau aktiviti pelajar sepanjang tahun 2021 yang melibatkan sebanyak **70,173** penyertaan pelajar melalui pelbagai kelab, persatuan, fakulti, sekretariat, badan beruniform dan anjuran luar yang merangkumi 8 Dimensi TUAH iaitu Akademik dan Kerjaya, Etika dan Rohani, Pengurusan & Kepimpinan, Keusahawanan, Sukan & Rekreasi, Budaya & Identiti Nasional, Sukarelawan dan Teknikal & Inovasi yang telah disusun secara berstruktur dan lestari selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Dasar Belia Negara dan Nilai Teras UTeM.

Jadual 39 | Pelaksanaan Program Bagi Tahun 2021

Bil	Dimensi Tuah	Jumlah Program	Jumlah Penyertaan
1.	Akademik & Kerjaya	142	16,381
2.	Pengurusan & Kepimpinan	65	21,344
3.	Budaya & Identiti Nasional	31	7,402
4.	Sukarelawan	40	4,532
5.	Sukan & Rekreasi	37	3,320
6.	Etika & Kerohanian	69	7,678
7.	Keusahawanan	14	3,453
8.	Teknikal & Inovasi	57	6,063
	Jumlah	455	70,173



Rajah 26 | Jumlah Keseluruhan Program: 455 (Sehingga 31 Disember 2021)



Rajah 27 | Jumlah Penyertaan Pelajar: 70,173 (Sehingga 31 Disember 2021)

Jadual 40 | Pencapaian Pelajar di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Bil.	Program / Tarikh / Tempat	Nama	Pencapaian
1	MAF National Athletics Championships 2021 18 dan 19 Disember 2021	1. Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi	Pingat Perak Acara Lembing
2	1st Galaxy Invitational Online Taekwondo Championship 2021 11 Hingga 12 Disember 2021	1. Ang Wen Yoke 2. Hamdanwahid bin Rinaldi 3. Nurfarwizah binti Mohd Zubairi 4. Muhammad Faiz bin Abdul Rahman	Pingat Emas Acara Poomsae Wanita Pingat Perak Acara Speedkick Lelaki Pingat Perak Acara Speedkick Wanita Pingat Gangsa Acara Speedkick Lelaki
3	Varsity Esports Uni League 2021 Pusingan Akhir: 11 Hingga 12 Disember 2021	Acara MLBB 1. Muhammad Farhan bin Ibrahim 2. Azim Amizie bin Saهران 3. Teak Wen Wei 4. Aminuddeen Fitri bin Zailan 5. Muhammad Syaheer bin Mohideen Acara Dota 2 1. Calvin Jeffry Jalan 2. Edwin Roch 3. Yeoh Kean Weng 4. Khoo You Hua 5. Janzen Teo Wee Hui	Naib Johan Acara MLBB Tempat Ketiga Acara Dota 2
4	MASUM Virtual Sepak Takraw 1 Hingga 2 Disember 2021	1. Mohammad Amir Firdaus bin Mohd Yushamidi 2. Mazli bin Shanif	Johan Acara Juggling Lelaki Tempat Ketujuh Acara Freestyle Lelaki
5	MASUM Virtual Cycling Challenge 2021 17 Hingga 21 November 2021	Pasukan Lelaki TUAH UTeM 1. Mohammad Firzan Eidlan bin Mohd Taufix 2. Muhamad Amri bin Mohamad Bakhir 3. Muhammad Shadameer bin Othman 4. Aiman Zahin bin Zarani 5. Wee Wei Xiang 6. Muhammad Afiq bin Nornizam 7. Wan Muhammad Izzat bin Wan Zin 8. Putera Muhammad Hanif bin Ahmad Furoji 9. Muhammad Adib bin Azmi 10. Bazli Suhaimi bin Buang Pasukan Wanita TUAH UTeM 1. Nur Aisyah Nabila bt Khairul Hisham 2. Nurizzah Liyana bt Mohd Apendi 3. Ida Rohayu bt Abd Karim	Johan Acara Berpasukan Lelaki Johan Keseluruhan Tempat Keempat Acara Berpasukan Wanita Tempat Keempat, Kelima dan Keenam Kategori Individu Lelaki
6	Pertandingan Menimang Bola Sepak Takraw Universiti Tun Hussein Onn Jemputan MTUN 24 hingga 26 September 2021	Kumpulan 1 1. Ahmad Azimuddin bin Salleh 2. Yasin Thahir bin Abd Wahid 3. Muhammad Amir Firdaus bin Mohd Yushamidi Kumpulan 2 1. Muhammad Mazli bin Shani 2. Amsyar Qayyum bin Badrul Hisham 3. Muhammad syafiq Izwan bin Md. Akhir	Pingat Emas Pingat Gangsa
7	Virtual Lompat Tali KPT 15 hingga 30 September 2021	1. Mohd Faez Noor bin Suzairah	Johan



Bil.	Program / Tarikh / Tempat	Nama	Pencapaian
			Kategori Komuniti Lelaki acara <i>Single Rope Speed 1 Minute</i>
		2. Rechel Lee Kei En	Naib Johan Kategori Komuniti Lelaki acara <i>Single Rope Speed 3 Minute</i>
			Naib Johan Kategori Komuniti Wanita acara <i>Single Rope Speed 1 Minute</i>
			Naib Johan Kategori Komuniti Wanita acara <i>Single Rope Speed 3 Minute</i>
8	MASUM <i>Virtual Arts Tournament</i> 10 hingga 20 September 2021	1. Mohd Syahrin Nazly bin Abdul Karim 2. Mohammad Faiz bin Mohammad Kamal	Emas Acara Taekwondo <i>Speed Kick</i> Gangsa Acara Pomsae Lelaki
9	Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti Universiti Malaysia (MAKUM) 2021/2021	Pelajar: 1. Muhammad Nadzirul Izzat bin Mahadzir 2. Nur Munirah binti Mustafa Kamal Staf 1. Encik Hamidi Mohd Hasnan, Ahli Muzik 2. Puan Rosmiza Mohd Saad, Pegawai Kebudayaan Keseluruhan 1. Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM 2. Wind Orkestra UTeM 3. Kelab Tarian Dur Adikarya UTeM	Pelajar: 1. Anugerah Bonang Emas Lelaki (Individu) 2. Anugerah Bonang Emas Wanita (Individu) Staf 1. Anugerah Gendang Sari MAKUM 2. Anugerah Lambang Sari MAKUM Keseluruhan 1. Anugerah Gong Kencana MAKUM 2. Anugerah Gambang Mustika (Kategori Kelab Pengurusan Seni) 3. Anugerah Gambang Mustika (Kategori Kelab Bakat Seni)
10.	<i>International Business Innovation and Ideas Competition 2021</i>	Leong Jia Mun	Gangsa
11.	<i>Innovation in Social Entrepreneurship (ISEI) Competition 2021</i> Peringkat Kebangsaan	1. Norsyahida Bt Mohd Azizi 2. Azizul Hakim B. Nor Azman 3. Nur Syafiqah Bt A. Rahim 4. Muhammad Shahrizan B. Rahmat 5. Imran Shaufi B. Suhaimey	Aplikasi Terbaik (Anugerah Khas) Aplikasi "MICROBIZ"
12.	<i>World Skills 2021 Russia</i> Kategori: <i>IT Network Systems and Administration</i>	Chia Jian Wei	Gangsa
13.	<i>World Skills Malaysia 2021</i> IT Software Solution for Business	Low Zi Lun	Tempat Pertama
14.	<i>World Skills Malaysia 2021</i> Bidang CyberSecurity	Wan Muhammad Khairuddin bin Wan Abdul Karim	Perak
15.	<i>World Skills Malaysia 2021</i> Web Technology	Najmi bin Rosli	Tempat Kedua



Bil.	Program / Tarikh / Tempat	Nama	Pencapaian
16.	International Virtual Expo of Innovation Product and System Design 2021 (IN-VIDE) Produk Inovasi: Location Based Smart Attendance System for Flexible Working Lifestyle	Nur Athirah Shuhaidi	Emas
17.	International Kaspersky Interaction Protection Simulation (KIPS) Student Championship	1. Kwong Tung Nan, 2. Lim Zi Feng, 3. Mervyn Lim, 4. Heng Fuyen, 5. Janson Liew, 6. Tan Wen Xiang	Juara
18.	Innovation and Design Expo 2021 (IDEX2021) Produk Inovasi: Peti Surat Berlestari Produk Inovasi: <i>Burnout Racing</i> (Game Development)	Siti Humairah Sarif 1. Ahmad Arman bin Izani 2. Alif Syahmi bin Ramli 3. Michael Prakash Lopez 4. Muhammad Alif bin Rosman	Emas Emas
19.	ECO Champion Awards 2021	Muhammad Faiz Muhd Kamal	Special Grant
20.	International Borneo Innovation Exhibition and Competition 2021	Muhammad Azizi Mohd Zain	Gold Award

Anugerah Dalam Majlis Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti

UTeM memenangi pelbagai anugerah dalam Majlis Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti Universiti Malaysia (MAKUM) 2020/2021 yang diadakan secara dalam talian. MAKUM merupakan sebuah Majlis yang telah ditubuhkan bertujuan untuk menyelaras dan menggalakkan aktiviti – aktiviti berbentuk seni, budaya dan kreatif oleh para pelajar.

Kemenangan yang telah diraih oleh mahasiswa dan mahasiswi UTeM adalah:

- i) Anugerah Bonang Emas Lelaki (individu yang cemerlang dalam seni dan budaya) Muhammad Nadzirul Izzat bin Mahadzir dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- ii) Anugerah Bonang Emas Wanita (Individu yang cemerlang dalam seni dan budaya) Nur Munirah binti Mustafa Kamal dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT)
- iii) Anugerah Gambang Mustika (Kategori Kelab Pengurusan Seni) yang diwakili oleh Wind Orkestra UTeM
- iv) Anugerah Gambang Mustika (Kategori Kelab Bakat Seni) yang diwakili oleh pasukan Kelab Tarian Dur Adikarya UTeM
- v) Anugerah Gong Kencana MAKUM 2021

Di samping itu 2 orang kakitangan Pejabat HEP UTeM turut menerima anugerah seperti berikut:

- i) Anugerah Gendang Sari MAKUM, Pegawai Kebudayaan Unit Tarian, HEP, UTeM, Rosmiza Mohd Saad dan Ahli Muzik UTeM, Hamidi Mohd Hasnan.
- ii) Anugerah Lambang Sari MAKUM, Pegawai Kebudayaan Unit Tarian, HEP, UTeM, Rosmiza Mohd Saad.

Kecemerlangan Atlet Tuah UTeM Dalam Sukan dan Rekreasi

Kesinambungan penularan wabak COVID-19 pada tahun 2021 telah merubah konsep penglibatan mahasiswa dan mahasiswi di dalam aktiviti sukan. Dalam memastikan rantai penyebaran wabak tersebut dapat diputuskan, Universiti telah mengambil pendekatan untuk mengurangkan penganjuran secara fizikal dan menggalakkan penganjuran dan penyertaan aktiviti sukan secara maya atau secara dalam talian. Oleh yang demikian, mahasiswa dan mahasiswi telah didedahkan dengan kaedah penganjuran secara dalam talian bagi memastikan aktiviti sukan dapat diteruskan walaupun negara sedang berhadapan dengan situasi pandemik dan juga pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Walaupun berhadapan dengan Pandemik COVID-19, TUAH UTeM tetap unggul di persada kebangsaan dan antarabangsa. Antara kejayaan yang dicapai TUAH UTeM adalah kemenangan merangkul 16 pingat kejohanan sukan iaitu 5 pingat emas, 7 pingat perak dan 4 pingat gangsa dalam penglibatan dan penyertaan kejohanan sukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM). Kebanyakan daripada kejayaan ini adalah kerana perubahan pelaksanaan penganjuran kepada di dalam talian telah menyebabkan penyertaan yang lebih terbuka kepada sasaran mahasiswa dan mahasiswi yang lebih luas.

Aktiviti sukan yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 telah mencatatkan sebanyak 37 penganjuran dan seramai 3,320 penyertaan. Bukan itu sahaja, perubahan penganjuran dan penyertaan aktiviti sukan secara dalam talian telah melonjakkan bilangan atlet berprestasi tinggi iaitu seramai 541 orang melalui penyertaan *E-Sports* seperti penyertaan dalam *MASUM E-Sports Championship* yang telah dijalankan pada 8-17 Oktober 2021.

Kejayaan yang diperolehi TUAH UTeM dalam aktiviti sukan ini telah membuktikan bahawa TUAH UTeM mampu menyesuaikan diri terhadap perubahan semasa dan secara tidak langsung mencapai matlamat Universiti dalam melahirkan TUAH UTeM yang adaptif.

Kejohanan *E-Sport U-Mobile* KBS MLBB 2021

Pasukan UTeM telah menjuarai Kejohanan *E-Sport U-Mobile* KBS MLBB 2021 peringkat negeri Melaka yang telah berlangsung pada 12 hingga 13 Jun 2021. Kejohanan tersebut yang diadakan secara *virtual* adalah terbuka kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di sekitar negeri Melaka dan telah mendapat penyertaan daripada beberapa buah universiti seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Melaka, Politeknik Merlimau, Kolej Profesional Mara Melaka dan Universiti Multimedia Melaka (MMU).

UTeM telah menghantar 40 orang peserta (8 kumpulan) ke kejohanan tersebut. Kejohanan yang berlangsung selama dua hari tersebut menyaksikan 2 pasukan TUAH UTeM berjaya merangkul tempat pertama dan kedua. Pasukan UTeM H yang terdiri daripada Muhammad Azim bin Ahmad Sukri (FKM), Mohd Amirul Ali Husni bin Mumarakh Ali (FKP), Muhamad Arif Syafi bin Ahmad Nizar (FKP), Azeq Naufal bin Muhammad Faizal (FTMK) dan Muhamad Faid Ammar bin Fahrurrazi (FPTT) telah berjaya menjuarai kejohanan tersebut dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,350.00 beserta 600 berlian (MLBB).

Pasukan UTeM A yang terdiri daripada Muhammad Akmal bin Muzamer (FKM), Amir Ashraff bin Ismail (FTKMP), Muhamad Azim bin Ibrahim (FKE), Muhammad Faris bin Md Nazari (FTKMP) dan Ahmad Syahir bin Ahmad Shapawi (FTKEE) telah berjaya mendapat tempat kedua dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM650.00 beserta 420 berlian (MLBB).

MASUM Virtual Arts Tournament

Pasukan UTeM telah berjaya memenangi 1 pingat emas dan 1 pingat gangsa di *MASUM Virtual Arts Tournament* yang telah berlangsung pada 10 hingga 20 September 2021. Pertandingan yang melibatkan Institut Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia tersebut telah berlangsung secara virtual dan diadili oleh pengadil-pengadil yang berpengalaman mengikut jenis seni mempertahankan diri yang dipertandingkan seperti taekwondo, silat dan karate.

13 orang atlit TUAH UTeM telah menyertai kejohanan seni mempertahankan diri seperti taekwondo, silat dan karate. Antara kategori yang disertai adalah taekwondo *speed kick*, silat solo kreatif, silat tunggal putra, silat tunggal putri, karate kata dan taekwondo poomsae. TUAH UTeM telah berjaya merangkul pingat emas acara taekwondo *speed kick* yang telah dimenangi oleh Mohd Syahrin Nazly bin Abdul Karim (FTMK) bersaing dengan peserta-peserta daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di peringkat akhir sebelum memenangi kategori tersebut.

Bagi acara pomsae lelaki pula, TUAH UTeM yang diwakili oleh Mohammad Faiz bin Mohammad Kamal (FKEKK) telah bersaing dengan peserta-peserta daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan UiTM seterusnya berjaya merangkul pingat gangsa.

Pertandingan Virtual Lompat Tali KPT

TUAH UTeM telah merangkul kemenangan bagi Pertandingan Virtual Lompat Tali KPT yang telah berlangsung pada 15 hingga 30 September. Pertandingan yang berlangsung secara virtual tersebut merupakan pertandingan di peringkat kebangsaan yang mana penyertaan adalah secara terbuka komuniti dan juga kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia.

Terdapat 4 kategori yang dipertandingkan iaitu kategori terbuka lelaki, kategori terbuka wanita, kategori pelajar IPT lelaki dan kategori pelajar IPT wanita. Acara yang dipertandingkan pula adalah *single rope speed 1 minute* dan *single rope speed 3 minute*. UTeM yang telah diwakili oleh dua orang peserta iaitu Mohd Faez Noor bin Suzairah (FPTT) dan Rechel Lee Kei En (Alumni UTeM) telah berjaya mendapat johan dan naib johan bagi empat acara yang dipertandingkan.

TUAH UTeM yang diwakili oleh Mohd Faez Noor bin Suzairah telah mendapat Johan bagi acara Single Rope Speed 1 Minute (kategori komuniti lelaki) dan membawa pulang hadiah berjumlah RM800.00. Mohd Faez juga turut mendapat naib johan bagi acara *single rope speed 3 minute* (kategori komuniti lelaki) dan membawa pulang hadiah berjumlah RM500.00.

Bagi Kategori Komuniti Wanita, TUAH UTeM diwakili oleh Rechel Lee Kei En telah berjaya memenangi naib johan bagi 2 acara iaitu *single rope speed 1 minute* dan *single rope speed 3 minute* seterusnya membawa pulang hadiah berjumlah RM500.00 bagi setiap acara tersebut.

Virtual Run Siswa TUAH Patriotik 2021 (MYDNA)

Virtual Run Siswa Patriotik 2021 merupakan satu program larian yang dijalankan secara *virtual* bersempena dengan bulan kemerdekaan. Penganjuran aktiviti ini merupakan kerjasama di antara pihak UTeM dan MYDNA. Aktiviti yang berlangsung selama satu bulan ini (25 Ogos hingga 22 September 2021) telah berjaya mendapat penyertaan seramai 361 orang peserta di mana majoritinya adalah terdiri daripada TUAH UTeM.

Peserta akan diberikan penarafan bintang berdasarkan kepada jarak larian yang dilakukan. Bagi kategori individu lelaki, 192 kilometer (km) dan ke atas diberi penarafan emas, 128 km – 191 km diberi penarafan perak, 64 km – 127 km diberi penarafan gangsa, 63 km ke bawah diberi penarafan penyertaan. Bagi kategori individu wanita pula, 174 km dan keatas diberi penarafan emas, 116 km – 173 km diberi penarafan perak, 58 km – 115 km diberi penarafan gangsa, 57 km ke bawah diberi penarafan penyertaan.

Antara hadiah yang ditawarkan adalah sijil penyertaan dan *Face Mask* Siswa TUAH Patriotik 2021 bagi larian kategori lelaki dan wanita. Terdapat juga hadiah wang tunai bagi perkongsian gambar di mana hadiah tempat pertama hadiah berjumlah RM80.00, tempat kedua berjumlah RM60.00 manakal tempat ketiga berjumlah RM40.00. Terdapat juga cabutan bertuah kepada 16 pemenang di mana hadiah bernilai RM20.00 setiap satu diberikan kepada peserta bertuah.

Pertandingan Menimang Bola Sepak Takraw Universiti Tun Hussein Onn Jemputan MTUN

Pasukan TUAH UTeM telah berjaya meraih 1 emas, 1 gangsa dan tempat keempat dalam Pertandingan Menimang Bola Sepak Takraw Universiti Tun Hussein Onn Jemputan MTUN yang telah berlangsung pada 24 hingga 26 September 2021. Pertandingan yang dijalankan secara maya tersebut telah mendapat penyertaan daripada keempat-empat *Malaysia Technical University Network* (MTUN).

UTeM telah menghantar 3 pasukan ke pertandingan tersebut dan telah berjaya merangkul 1 emas dan 1 gangsa. Kumpulan pertama yang telah berjaya mendapat pingat emas terdiri daripada Ahmad Azimuddin bin Salleh, Yasin Thahir bin Abd Wahid dan Muhammad Amir Firdaus bin Mohd Yushamidi. Kumpulan kedua yang telah berjaya merangkul pingat gangsa pula terdiri daripada Muhammad Mazli bin Shani, Amsyar Qayyum bin Badrul Hisham dan Muhammad Syafiq Izwan bin Md. Akhir.

MASUM Virtual Cycling Challenge 2021

TUAH UTeM telah berjaya merangkul johan keseluruhan di MASUM *Virtual Cycling Challenge 2021* yang telah berlangsung pada 17 hingga 21 November 2021. Kejohanan ini merupakan anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan kerjasama UTeM selaku tuan rumah. Kejohanan yang disertai oleh pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia tersebut telah dijalankan secara maya dan disertai oleh 13 orang TUAH UTeM.

Pasukan lelaki TUAH UTeM diwakili oleh Mohammad Firzan Eidlan bin Mohd Taufix (FKEKK), Muhamad Amri bin Mohamad Bakhir (FKEKK), Muhammad Shadameer bin Othman (FKEKK), Aiman Zahin bin Zarani (FKP), Wee Wei Xiang (FKP), Muhammad Afiq bin Nornizam (FTKEE), Wan Muhammad Izzat bin Wan Zin (FTKEE), Putera Muhammad Hanif bin Ahmad Furoji (FTKEE), Muhammad Adib bin Azmi (FTKEE), dan Bazli Suhaimi bin Buang (FTKMP). Pasukan wanita TUAH UTeM pula diwakili oleh Nur Aisyah Nabila bt Khairul Hisham (FPTT), Nurizzah Liyana bt Mohd Apendi (FPTT) dan Ida Rohayu bt Abd Karim (FPTT).

Pasukan TUAH UTeM telah berjaya merangkul johan keseluruhan, dan johan acara berpasukan lelaki dan tempat keempat bagi acara berpasukan wanita di kejohanan tersebut. Bagi kategori individu lelaki, TUAH UTeM berjaya mendapat tempat keempat (Bazli Suhaimi bin Buang, FTKMP), kelima (Mohamad Firzan Eidlan bin Mohd Taufix, FKEKK) dan keenam (Putra Mohammad Hanif bin Ahmad Furoji, FTKEE).

MASUM Virtual Sepak Takraw

MASUM *Virtual Sepak Takraw* telah berlangsung selama dua hari iaitu dari 1 hingga 2 Disember 2021. Pertandingan yang dijalankan secara dalam talian tersebut merupakan anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan telah disertai oleh pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dari seluruh Malaysia.

Dua orang TUAH UTeM telah menyertai pertandingan tersebut dan telah mendapat Johan dan tempat Ketujuh. Mohammad Amir Firdaus bin Mohd Yushamidi (FPTT) telah mewakili UTeM bagi acara Juggling Lelaki dan telah mendapat Johan dalam acara tersebut manakala Mohammad Mazli bin Shanif (FTMK) telah mewakili UTeM bagi acara Freestyle Lelaki dan telah mendapat tempat ketujuh.

Varsity Esports Uni League 2021

Varsity Esports Uni League 2021 telah berlangsung selama 11 hari di mana pusingan akhir telah diadakan pada 11 dan 12 Disember 2021. Kejohanan ini merupakan kejohanan permainan secara dalam talian di mana antara acara yang dipertandingkan adalah *Mobile Legend Bang Bang*, Dota 2 dan PUBG. Kejohanan ini disertai oleh pelajar institusi pengajian tinggi dari seluruh Malaysia.

UTeM telah menghantar 16 orang peserta bagi acara-acara yang dipertandingkan dan telah berjaya memenangi 2 acara. UTeM Bear iaitu salah satu daripada kumpulan pelajar UTeM yang menyertai kejohanan tersebut dan terdiri daripada Muhammad Farhan bin Ibrahim (FKP), Azim Amizie bin Saheran (FTMK), Teak Wen Wei (FPTT), Aminuddeen Fitri bin Zailan (FKM), dan Muhammad Syaheer bin Mohideen (FKEKK) telah berjaya mendapat Naib Johan dalam acara MLBB

UTeM TUAHTRANGULUS X pula merupakan kumpulan pelajar UTeM yang terdiri daripada Calvin Jeffry Jalan (FKE), Edwin Roch (FKEKK), Yeoh Kean Weng (FTKMP), Khoo You Hua (FPTT), dan Janzen Teo Wee Hui (FKEKK) telah berjaya mendapat tempat ketiga bagi acara Dota 2.

Inisiatif Berimpak Tahun 2021


Inisiatif Food Bank Siswa UTeM diteruskan Bagi Membantu Siswa Siswi Tuah UTeM

Inisiatif Food Bank Siswa UTeM yang ditubuhkan dari sejak awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diteruskan sehingga ke fasa PKP 3.0 bagi membantu keperluan siswa siswi UTeM khususnya dari kumpulan B40. Pada tahun 2021, Food Bank Siswa UTeM telah menerima sumbangan berjumlah RM 163,616.00, merangkumi sumbangan barangan bernilai RM 105,200.00, pembelian barangan berjumlah RM 59,204.16 dan sumbangan persendirian berjumlah RM 400.00. Di samping itu, sebanyak 218 sumbangan turut diterima dari Kerajaan Negeri Selangor dan 155 dari Pertubuhan Sentamizhar Peravai untuk diagihkan kepada pelajar B40 UTeM berbangsa India.

Hasil dari sumbangan ini, seramai **3,805** siswa siswi UTeM telah menerima manfaat dari inisiatif Food Bank PKP 3.0, melibatkan 2 fasa agihan. Bagi Fasa Pertama, seramai 2,099 pelajar B40 yang menetap di Kolej Kediaman Dalam telah menerima manfaat di samping 610 pelajar yang menetap di Kolej Kediaman Luar. Bagi agihan Fasa Kedua pula, sebanyak 584 agihan telah diserahkan kepada pelajar di Kolej Kediaman dalam dan 512 agihan kepada pelajar di Kolej Kediaman luar yang melibatkan kawasan Taman Tasik Utama, Durian Tunggal, Bukit Beruang dan lain-lain lagi.

Terdapat 2 jenis barangan bungkusan agihan iaitu bungkusan untuk pelajar yang menetap di dalam kampus dan bungkusan untuk pelajar yang menetap di luar kampus. Setiap pelajar yang tinggal di dalam kampus menerima bungkusan yang mengandungi beberapa jenis makanan kering seperti mee segera, biskut, minuman, beberapa keperluan asas termasuklah ubat gigi, syampu, sabun dan tuala wanita. Manakala bagi pelajar yang tinggal di luar kampus, agihan yang diberikan adalah seperti keperluan memasak seperti gula pasir, beras, sardin dalam tin, susu tin, telur, minyak masak dan air kordial. Untuk pelajar luar kampus, agihan diberikan berdasarkan isi rumah.

Rajah 28 | Jumlah Agihan Food Bank Siswa PKP 3.0 UTeM



OPS Pulang 2.0 dan OPS Pulang 3.0

UTeM sentiasa menitikberatkan kesihatan emosi dan mental pelajar. Oleh kerana terdapat keperluan kepada pelajar untuk pulang ke kampung halaman sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN), UTeM telah mengusahakan Ops Pulang 2.0 dan 3.0 bagi memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk pulang ke kampung berjumpa dengan keluarga sewaktu perayaan Hari Raya Aidilfitri dan cuti semester.

Proses penghantaran pulang pelajar ini dilaksanakan dengan SOP yang ketat yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pergerakan pulang pelajar dibahagikan kepada 5 Zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Sabah/Sarawak. Penyelarasan Ops pulang ini telah diketuai oleh YBhg. Profesor Madya Dr Nurulfajar bin Abd Manap, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dengan dibantu oleh Encik Azhar bin Mohd Salleh, Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

Ops Pulang 2.0 telah dilaksanakan pada 7 hingga 10 Mei 2021 bersempena dengan perayaan Hari Raya Aidilfitri. Berbeza dengan Ops Pulang 1.0 yang telah dilaksanakan pada tahun 2020, seramai 3,434 orang pelajar telah pulang ke kampung halaman dengan 4 jenis mode kenderaan iaitu kenderaan sendiri (1,614 orang), kenderaan Universiti (502 orang), dijemput waris (1,268 orang) dan kapal terbang (50 orang). Kesemua Zon mulai 30 April 2020 bagi Zon Selatan dan penghantaran terakhir pada 27 Mei 2020 bagi Zon Sabah.

Ops pulang 3.0 pula telah dijalankan pada 19 Julai hingga 11 Ogos 2021 bersempena dengan cuti semester. 1,407 orang pelajar telah pulang ke kampung halaman dengan 3 jenis mod kenderaan iaitu kenderaan sendiri (105 orang), kenderaan universiti (1,204 orang) dan kapal terbang (98 orang).

Kedua-dua Ops Pulang ini telah dilaksanakan dengan mengikuti SOP semasa yang ketat bagi memastikan pelajar sampai ke kampung halaman dengan selamat tanpa sebarang jangkitan COVID-19. Antara langkah-langkah yang di ambil adalah proses menyahkuman bas dan juga beg pelajar yang dijalankan bagi setiap perjalanan dan juga penjarakan pelajar sewaktu berada di dalam bas.

Misi Bantuan Pasca Banjir 2021

Tahun 2021 telah menyaksikan pelbagai bencana banjir berlaku di seluruh Malaysia. UTeM mengambil berat akan komuniti masyarakat yang terkesan akibat bencana banjir dan beberapa siri Misi Bantuan Pasca Banjir 2021 telah dilaksanakan.

Jadual 41 | Misi Bantuan Pasca Banjir 2021 yang telah dilaksanakan

Bil	Perkara	Tarikh	Bilangan Pelajar dan Bilangan Staf Terlibat
1	Siri 1 – Durian Tunggal dan Bukit Beruang, Melaka	23 Oktober 2021	40 orang pelajar 7 orang staf
2	Siri 2 – Kampung Telok Berembang, Lubok China, Melaka	21 Disember 2021	45 orang pelajar 8 orang staf
3	Siri 3 – Ayer Limau, Masjid Tanah, Melaka	25 Disember 2021	5 orang pelajar 1 orang staf
4	Siri 4 – Paya Besar, Pahang	25 dan 26 Disember 2021	32 orang pelajar 1 orang staf
5	Siri 5 – Bentong, Pahang	25 dan 26 Disember 2021	62 orang pelajar 3 orang staf
6	Siri 6 - Kampung Telok Berembang, Lubok China, Melaka	29 Disember 2021	10 orang pelajar 8 orang staf

Bimbingan dan Kaunseling Pelajar

Antara aspek yang menjadi keutamaan UTeM sewaktu Pandemik COVID-19 adalah kesihatan mental pelajar. Oleh kerana pergerakan pelajar adalah terkawal penganjuran aktiviti yang dijalankan secara fizikal dikurangkan, pelajar akan cenderung untuk mengalami masalah mental dan ketidakstabilan emosi. Bagi mengelakkan perkara tersebut, pihak UTeM telah memperkasakan Program Bimbingan Secara Atas Talian oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling Pelajar sewaktu pelaksanaan PKP dan PPN. Pelbagai jenis program diadakan dan penglibatan kaunselor secara turun padang turut dilaksanakan bagi memastikan pelajar mendapat bimbingan yang sewajarnya.

Antara jenis bimbingan yang telah dilaksanakan adalah seperti Program Motivasi Pencapaian Akademik (19 program), Program Kesihatan Mental (23 program), dan Program Berbentuk Kepimpinan, Pencarian Bakat dan *Roadshow* (6 program).




Rajah 29 | Jumlah Agihan Food Bank Siswa PKP 3.0 UTeM

Kebajikan Pelajar Fokus Utama

Kebajikan siswa siswi UTeM terus menjadi agenda utama bagi memastikan keperluan siswa siswi UTeM di sepanjang pengajian sentiasa diambil berat, apatah lagi hampir 65% dari keseluruhan populasi pelajar di UTeM adalah dalam kumpulan B40. Inisiatif dan usaha berterusan sentiasa diberi penekanan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM menerusi Unit Kebajikan dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti seperti program agihan sumbangan kepada pelajar yang memerlukan. Tambahan pula, pada tahun 2021 negara masih berada dalam fasa PKP 3.0 di samping kestabilan ekonomi yang masih kurang memberangsangkan, turut memberi kesan kepada pendapatan seisi keluarga para pelajar.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM telah menerima pelbagai inisiatif bantuan hasil sumbangan pelbagai agensi kerajaan, swasta, korporat mahupun orang perseorangan. Pada tahun 2021, UTeM telah menerima dana sumbangan zakat dan bantuan siswa siswi UTeM antaranya dari Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia berjumlah RM 50,000, Yayasan Pelajaran Johor berjumlah RM 157,950.00, Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia (RM 30,000.00), Syarikat Perumahan Kinrara (RM140,000), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (RM83,042.00), Maybank Islamic Berhad (RM 33,333.33) dan Bank Islam Malaysia Berhad (RM40,000.00). Jumlah keseluruhan sumbangan yang diterima dari agensi ini berjumlah RM 763,325.33. Di samping itu, UTeM turut menerima sumbangan pada hujung tahun 2020 yang disumbangkan pada tahun 2021. Sumbangan tersebut adalah dari Lembaga Zakat Selangor (RM10,500.00), Bank Pembangunan Berhad Malaysia Berhad (RM250,000.00), Majlis Agama Islam Perlis (RM10,000.00) dan Lembaga Tabung Haji (RM750,000.00), dengan jumlah keseluruhan bernilai RM 1,087,200.00.



Rajah 30 | Jumlah Keseluruhan Terimaan Zakat

Daripada jumlah sumbangan ini, seramai 1,649 orang pelajar telah menerima bantuan zakat, bantuan pelajaran dan bantuan peranti (komputer riba) pada tahun 2021. Berdasarkan pecaaan seramai 500 pelajar telah menerima manfaat daripada sumbangan zakat Bank Pembangunan, 100 pelajar menerima bantuan dari Yayasan Bank Rakyat, 323 pelajar mendapat sumbangan dari Zakat Tabung Haji, 686 pelajar menerima bantuan dari pelbagai agensi, 15 pelajar dibantu oleh Pengajian Tunku Abdul Rahman, manakala 23 pelajar menerima bantuan komputer riba Yayasan Tunku Abdul Rahman. Sumbangan dari pelbagai agensi ini juga turut digunakan untuk menampung inisiatif Food Bank Siswa UTeM yang diagihkan secara berperingkat kepada pelajar yang memerlukan.

Selain itu, siswa siswi TUAH UTeM turut diberikan bantuan kewangan Pinjaman Jangka Pendek (PJP) yang mana pada tahun 2021 seramai 131 pelajar telah menerima manfaat dari pinjaman ini melibatkan jumlah bernilai RM 61,900.00. UTeM juga menyediakan peruntukan di bawah Tabung Khairat bagi membantu pelajar yang ditimpa musibah seperti kemalangan, bencana alam, kematian ibu/ bapa/ pasangan/ anak, bantuan rawatan perubatan dan kes-kes khas tertakluk kepada kelulusan. Pada tahun 2021, sejumlah RM 700,000.00 bantuan khairat pelajar UTeM disediakan bagi menampung keperluan insurans pelajar, pembiayaan kos kesihatan, bantuan kematian, kecemasan dan bantuan bencana.

13.0 Pengurusan Bakat



Pengurusan Bakat

Pengenalan

Aspek Pengurusan Bakat di universiti ini lebih memfokuskan kepada program-program pembangunan bersifat holistik. Berdasarkan kepada pendekatan ini maka program pembangunan bakat dirancang dan dilaksanakan bagi mewujudkan jangkaan program yang lebih realistik, membuat staf berasa selesa menghadiri program-program pembangunan staf serta menambah baik kompetensi staf khususnya penekanan terhadap aspek *Attitude* (Sikap), *Skills* (Kemahiran) dan *Knowledge* (Kemahiran) atau ASK serta boleh mengadaptasi perkembangan teknologi terkini dan melakukan inovasi secara berterusan di era Revolusi Industri 4.0.

Statistik Staf

Sehingga 31 Disember 2021, jumlah waran yang diluluskan oleh Agensi Pusat adalah sebanyak 2,045 yang merangkumi jawatan pengurusan Utama, jawatan Akademik, jawatan Pentadbiran bagi Pengurusan & Profesional manakala selebihnya jawatan jawatan Pentadbiran kategori Kumpulan Pelaksana. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,997 jawatan telah diisi secara tetap dan kontrak. **Jadual 41** menunjukkan waran dan pengisian bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan **Jadual 42** menunjukkan statistik staf akademik Universiti bagi tahun 2021.

Jadual 42 | Waran dan Perjawatan Sehingga 31 Disember 2021

Kumpulan	Bil. Waran	Bilangan Pengisian Mengikut Status		Isi	Baki
		Tetap	Kontrak		
		Pengurusan Utama	4		
Akademik	916	829	26	855	87
Pengurusan & Profesional	196	177	30	207	19
Pelaksana	929	873	59	932	56
Jumlah	2,045	1,882	115	1997	163

Jadual 43 | Statistik Staf Akademik Universiti Tahun 2021

Jawatan	Gred	Jumlah Keseluruhan
Profesor Gred Khas A	VK5	2
Profesor Gred Khas B	VK6	1
Profesor Gred Khas C	VK7	27
Profesor Madya	DS54	105
Profesor Madya	DS53	4
Pensyarah Kanan	DS52	371
Pensyarah Kanan	DS51	55
Pensyarah	DS45	224
Jumlah		789

Staf Akademik

Seramai 515 orang pensyarah berkhidmat di Universiti yang berkelayakan PhD sekaligus menjadikan peratusan pensyarah berkelayakan PhD adalah sebanyak 60 % pada tahun 2021. Peningkatan peratusan pensyarah berkelayakan PhD adalah hasil daripada usaha dan strategi Universiti melalui staf baharu berkelayakan PhD dan peningkatan staf sedia ada yang lulus peringkat PhD di bawah Skim Cuti Belajar.

Jadual 44 | Statistik Pensyarah Berkelayakan PhD Tahun 2018 - 2021


Tahun	PhD/ Jumlah Akademik	Peratusan %
2018	421/878	48
2019	460/880	52
2020	486/866	56
2021	515/857	60

Latihan dan Penjanaan


Bahagian Pembangunan Bakat (BPB) melalui unit Latihan dan Penjanaan telah menerima peruntukan RM 350,000.00 bagi melaksanakan program-program latihan untuk membangunkan dan mengekalkan kompetensi staf. Program latihan yang dirangka adalah berteraskan *Attitude* (Sikap), *Skill* (Kemahiran) dan *Knowledge* (Pengetahuan).

Pada tahun 2021 unit Latihan dan Penjanaan telah melaksanakan 50 latihan kursus yang melibatkan seramai 3588 orang staf dan menguruskan penyertaan staf ke latihan yang anjurkan oleh agensi luar sama ada kerajaan ataupun swasta seramai 188 orang.


Unit Latihan dan Penjanaan juga menganjurkan 22 kursus secara dalam talian dan 1 kursus secara bersemuka dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB) dan Pejabat Keselamatan Pekerjaan dan Kelestarian Alam Sekitar (KPKA). Metodologi ini memberikan kemudahan kepada staf untuk menjalani kursus di mana-mana sahaja. Carta di bawah menerangkan peratusan kursus yang berteraskan *Attitude*, *Skill* & *Knowledge* serta Nilai Teras UTeM.



Rajah 31 | Pelaksanaan Kursus Umum dan Khusus mengikut bulan bagi tahun 2021



Rajah 32 | Peratusan Corak Kursus di UTeM 2021



Rajah 33 | Peratusan Latihan dilaksanakan berteraskan Nilai Teras UTeM 2021



Unit Latihan dan Penjaan 86.72 Peratus Staf Yang Telah Memenuhi Jam Latihan




Rajah 34 | Bilangan, Corak dan Penglibatan staf UTeM dalam Latihan 2021

Biasiswa Akademik

Penghantaran staf cuti belajar dan staf yang berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah merupakan antara pelaburan yang signifikan yang telah dilaksanakan oleh Universiti melalui Bahagian Pembangunan Bakat (BPB). Tahun 2021, seramai 13 orang staf telah melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah ke Universiti dalam dan luar negara. Rajah di bawah adalah pecahan staf akademik yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti bagi tahun 2021.



Rajah 35 | Penghantaran Staf Mengikuti Pengajian Ijazah Doktor Falsafah Di Dalam dan Luar Negara



Rajah 36 | Staf UTeM Berjaya Menamatkan Pengajian Ijazah Doktor Falsafah Dalam dan Luar Negara

Manakala pada tahun 2021, staf yang berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah adalah seramai 31 orang staf. Rajah di bawah menunjukkan staf yang berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah mengikut Fakulti.

Program Fast Track to Chartered Engineers (C.Eng.)

Dalam membantu merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional di kalangan staf akademik, selain dapat meningkatkan bilangan staf akademik dengan gelaran Jurutera Profesional atau yang setara dengannya selaras dengan kehendak *Engineering Accreditation Council Malaysia* (EAC) dan juga MyRA, program *Fast Track to Chartered Engineer* (C.Eng.) telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2017 sehingga 31 Disember 2020. Program ini juga dapat membantu meningkatkan bilangan Jurutera Profesional (Ir.). Seramai 7 orang telah berjaya memperoleh status C.Eng dan status Ir. pada tahun 2021 dan seramai 61 orang lagi sedang di dalam proses ke arah mendapatkan status Ir.



**Jadual 45 | Laporan Fast Track To Chartered Engineer (C.Eng.)
Program Sehingga Disember 2021**

No.	Fakulti	Dalam Proses Memperoleh C.Eng. (orang)	Telah Memperoleh Pengkiktirafan C.Eng. (orang)	Jumlah (Orang)
1	FKEKK	7	12	19
2	FKE	2	10	12
3	FKM	1	21	22
4	FKP	0	11	11
5	FTKEE	12	4	16
6	FTKMP	10	10	20
Jumlah Keseluruhan		32	68	100

Seramai 100 orang staf akademik dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP) telah mengikuti program ini bagi memperoleh pengiktirafan sebagai C.Eng. 68% orang staf telah berjaya memperoleh pengiktirafan C.Eng. dan 32% lagi tidak dapat memenuhi pencapaian. Sebanyak RM 335,000.00 kos telah dibelanjakan sebagai bayaran insentif kepada staf yang telah berjaya memperolehi pengiktirafan tersebut.

Skim Sangkut Industri

Skim Sangkut Industri ini merupakan antara inisiatif dalam membantu Universiti meningkatkan kualiti staf akademik dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan berdasarkan pengalaman serta ilmu yang diperolehi daripada industri. Skim ini juga memberi pendedahan kepada staf berkenaan dengan teknologi dan inovasi baru selain dapat memberi pendedahan kepada suasana sebenar melalui konsep *experiential-learning* selain mengikuti kursus/latihan yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf.

Selain membantu Universiti meningkatkan kualiti staf akademik dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan berdasarkan pengalaman serta ilmu yang diperolehi dari industri, ianya juga dapat meningkatkan jumlah bilangan staf berstatus Jurutera Profesional kerana latihan industri / sangkut industri merupakan pra-syarat untuk memperoleh status Jurutera Profesional.

**Jadual 46 | Staf Mengikuti
Skim Sangkut Industri Bagi
Tahun 2021**

No.	Fakulti	Jumlah (orang)
1	FKE	3
2	FKEKK	1
3	FKM	7
4	FKP	0
5	FTMK	0
6	FPTT	0
7	FTKMP	0
8	FTKEE	1
Jumlah Keseluruhan		12

Skim Cuti Sabatikal

Skim Cuti Sabatikal adalah bertujuan meningkatkan nilai tambah kecemerlangan intelek serta produktiviti dalam bidang kepakaran. Ini adalah selari dengan percambahan konsep ilmu yang sentiasa berkembang. Bagi mencapai matlamat ini, staf dibenarkan menjalani cuti sabbatical untuk aktiviti-aktiviti berikut:

- Pengajaran yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf di Universiti yang terkemuka di luar negeri bagi tujuan perkongsian dan peningkatan pengetahuan akademik;
- Penyelidikan dalam bidang pengkhususan;
- Penulisan buku karya asal/asli dengan syarat staf hanya menulis satu buku sahaja dalam tempoh sabbatical yang diluluskan. Kebenaran yang diberikan adalah hanya untuk menghabiskan penulisan sahaja dan bukan permulaan penulisan;
- Mengikuti kursus/latihan yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf.

Jadual 47 | Staf Yang Diluluskan Mengikuti Skim Cuti Sabbatical Bagi Tahun 2011 Sehingga 31 Disember 2021

No.	Fakulti	Tahun / Bilangan Staf										Jumlah Staf	
1	FKE	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
2	FKEKK	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1
3	FKM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
4	FKP	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	1	3
5	FTMK	-	-	-	-	-	2	1	1	-	1	-	5
6	FPTT	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	-	2
7	FTKMP	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
8	FTKEE	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
9	PPB	1	-	-	-	-	-	-	-	3	1	1	6
Jumlah Keseluruhan		1	-	-	-	-	2	2	4	3	3	2	17

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA) ialah satu skim yang merupakan insentif dalam bentuk pemberian biasiswa melanjutkan pengajian kepada staf dari kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan Universiti dan dengan adanya perkembangan bakat ini dapat meningkatkan kualiti staf di UTeM.

Jadual 48 | Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik

Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA)											
Tahun/ Kategori	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah Staf
Pengurusan & Profesional	3	1	1	1	1	0	0	1	1	1	10
Pelaksana	1	0	1	0	0	0	3	0	3	2	10
Jumlah Keseluruhan :											20

Dasar Penubuhan dan Penstrukturan Organisasi Serta Pengurusan Jawatan Giliran di UTeM

Garis Panduan Pengurusan Pewujudan Struktur Baharu dan Jawatan Giliran di UTeM sedia ada yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2017 telah ditambahbaik menjadi Dasar Penubuhan dan Penstrukturan Organisasi serta Pengurusan Jawatan Giliran UTeM. Dasar ini telah mendapat perakuan dan kelulusan Mesyuarat seperti berikut:

- Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 9 Tahun 2021 pada 24 September 2021;
- Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 5 Tahun 2021 pada 29 September 2021; dan
- Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5 Tahun 2021 pada 3 November 2021.

Bagi tujuan untuk memberi panduan kepada staf dan pihak Universiti berkaitan penubuhan dan penstrukturan organisasi serta pengurusan Jawatan Giliran di Universiti, Pekeliling Pentadbiran Bilangan 53 Tahun 2021 berkenaan Dasar Penubuhan dan Penstrukturan Organisasi serta Pengurusan Jawatan Giliran UTeM telah dikuat kuasa mulai 3 November 2021 dan dikeluarkan pada 17 Disember 2021 melalui Info UTeM.


Objektif Dasar ini diwujudkan adalah seperti berikut:

- Memberi panduan kepada Universiti, PTj/PBU berhubung Penubuhan dan Penstrukturan Organisasi;
- Memberi penjelasan berkaitan pengurusan Jawatan Giliran seperti proses pelantikan dan penamatan tempoh pelantikan;
- Memberi penjelasan berkaitan kelayakan elaun-elaun yang terlibat merujuk kepada Jawatan Giliran yang disandang; dan
- Memberi penjelasan berkaitan menjalankan fungsi dan menjalankan tugas berserta panduan kuasa untuk mewakili.

Skop Dasar ini hanya meliputi:

- Panduan Penubuhan dan Penstrukturan PTj/PBU;
- Panduan Pelantikan dan Penamatan Tempoh Lantikan Jawatan Giliran;
- Panduan Pengurusan Elaun Jawatan Giliran;
- Panduan Menjalankan Fungsi dan Menjalankan Tugas; dan

Panduan Kuasa Untuk Mewakikan.



Pelantikan Jawatan Pengurusan Tertinggi

Pada tahun 2021 beberapa sesi temu bual dan temuduga telah diadakan bagi mengisi kekosongan jawatan Pengurusan Tertinggi di UTeM. Antara jawatan Pengurusan Tertinggi yang terlibat adalah seperti berikut:

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 23 Mac 2021;
- Lantikan mulai 19 April 2021 hingga 18 April 2024 (3 tahun).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 16 Ogos 2021;
- Lantikan mulai 6 Oktober 2021 hingga 30 September 2024 (3 tahun).

Ketua Pegawai Operasi

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 8 April 2021;
- Lantikan mulai 1 Mei 2021 hingga 30 April 2024 (3 tahun).

Ketua Pustakawan

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 20 Ogos 2021;
- Lantikan mulai 11 Oktober 2021 hingga 10 Oktober 2023 (2 tahun).

Ketua Pegawai Maklumat

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 15 Disember 2021.
- Lantikan mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2024 (3 tahun).



Pihak Universiti berharap dengan pelantikan ini, Pengurusan Tertinggi yang dilantik dapat menyumbangkan idea dan tenaga dengan penuh dedikasi demi kepentingan Universiti.

Program Kepimpinan dan Pengurusan Bakat Anjuran AKEPT

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) merupakan salah satu agensi di bawah KPT yang memberi fokus kepada pengenalpastian dan pembangunan pemimpin di Universiti Awam. Objektif AKEPT adalah untuk melatih dan mengembangkan pemimpin dengan kualiti yang diperlukan dan dihormati agar dapat memberi impak kepada UA dan meningkatkan kedudukan di peringkat global. Selain itu, peningkatan kepimpinan harus ditangani secara holistik bukan hanya di kalangan akademik tetapi juga memenuhi profesionalisme pentadbir dan memastikan pemimpin dan pentadbir yang kompeten dapat dihasilkan. Tiga pusat di bawah AKEPT iaitu Pusat Kelestarian Kepimpinan, Pusat Pembangunan Kepimpinan dan Pusat Pemprofilan Kepimpinan telah menawarkan 15 program bagi tahun 2021 dan UTeM telah mengenalpasti 32 calon peserta (dari kumpulan *Talent Pool* yang disasarkan) merujuk kepada kriteria yang ditetapkan bagi mengikuti program yang telah dianjurkan oleh pihak AKEPT seperti berikut:

Jadual 49 | Bilangan program yang dianjurkan dan bilangan staf yang terlibat

Program	Bilangan Staf
Agile Leadership in the COVID-19 Era (ALIVE) Siri Pertama	4
Training of Trainers : Behavioural Event Self - Assessment (TOT BESA) Siri 4	1
Management of Internationalisation for University Leaders (MIUL)	2
Sustainable Development Goal (SDG) Leadership	2
University Leaders Entrepreneurial Educators Bootcamp (UniLEEB)	2
Professional Finance for Non-Finance (ProFiNoF)	3
Talent Management for Excellence Series 3.0 (TaME)	2
International Deans' Course: Malaysian Chapter (MyIDC)	1
Kecemerlangan Kepimpinan Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Institusi Pengajian Tinggi (ExceLib)	2
Program Smart Partnership anjuran Dale Carnegie of Malaysia dan Malaysian Institute Management	4
Program Kepimpinan Akademik	2
Program Deputy Vice Chancellor Leadership Onboarding (DVC Lead)	2
Program Leadership in Academic Society Experiential Relationship (LASER)	2
Training Management for Organisation Success	1
Top Executive Programme (TEP) Kohort 2	2

Diharapkan dengan pendedahan dan pengalaman yang diberikan oleh AKEPT dapat meningkatkan kompetensi dan kredibiliti dikalangan pemimpin dan bakal pemimpin UTeM yang telah dikenalpasti.

Program Penilaian Pelan Pembangunan Individu

Program Penilaian Pelan Pembangunan Individu (PPI) atau Individual Development Plan (IDP) merupakan satu kaedah yang membantu perkembangan kerjaya dan kompetensi staf yang mana ianya dirangka khusus bagi menepati keperluan kompetensi setiap individu staf berdasarkan keperluan organisasi. PPI/IDP juga merupakan komitmen dua hala di antara staf dan juga organisasi dalam menetapkan keperluan serta kehendak bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

Penyediaan dan pelaksanaan PPI/IDP UTeM yang dibangunkan ini merupakan kaedah yang sistematik untuk mengenalpasti, menilai dan membangunkan keupayaan staf dalam memenuhi keperluan organisasi. Staf yang telah melalui penilaian kompetensi akan memiliki profil individu di mana proses pembangunan staf boleh dipantau secara berterusan selari dengan perubahan organisasi dan perancangan modal insan.

Pelaksanaan program PPI/IDP secara khususnya akan dapat membantu pengurusan UTeM dalam menyediakan calon berkeelayakan bagi Program Pelan Penggantian (*Succession Planning Program*), kemajuan kerjaya, merangka keperluan kursus yang berstruktur, pemilihan calon ke kursus-kursus strategik, penghantaran melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, penglibatan luar/sangkutan dan program Mentoring.

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil. 2/2015 yang bersidang pada 23 April 2015 secara prinsipnya bersetuju meluluskan cadangan untuk membangunkan Pelan Pembangunan Individu (PPI) atau *Individual Development Plan* (IDP) bagi staf pentadbiran gred 41 hingga gred 52.

Pada 21 Mac 2016, Mesyuarat PPSM Bil. 2/2016 telah meluluskan Model Kompetensi PPI / IDP yang dibangunkan sebagai tunjang utama dalam PPI / IDP.

Model Kompetensi PPI/IDP UTeM dibangunkan dengan merujuk kepada Pelan Strategik UTeM 2012-2020, Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) UTeM 2015-2025, Visi dan Misi UTeM serta Nilai-nilai Teras UTeM dan 6 Teras Strategik UTeM. Bagi memastikan 11 kompetensi yang dibangunkan dapat dinilai dan diukur, 34 ahli *Task Force* yang merupakan staf dalaman UTeM telah dipilih dan dilantik yang terdiri daripada Profesor, Profesor Madya, Pensyarah dan wakil-wakil setiap Skim Pengurusan dan Pentadbiran dalam membangunkan Deskripsi Perilaku, Modul Kompetensi, Elemen Penilaian dan Kaedah Penilaian dan seterusnya pembangunan soalan.

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bil. 4/2019 yang bersidang pada 30 September 2020 telah menetapkan profil PPI/IDP sebagai salah satu kriteria permohonan kenaikan pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Program Pembangunan dan Pengekalan Bakat

Berdasarkan keputusan penilaian PPI / IDP, seorang calon telah memenuhi tahap penguasaan kesemua 11 kompetensi yang diukur dan calon tersebut akan diberikan peluang mengikuti kursus-kursus strategik dalam mengekalkan tahap kompetensi yang diperolehi. Bagi calon yang mempunyai jurang kompetensi, calon tersebut perlu mengikuti kursus kompetensi yang ditetapkan dan akan dinilai semula oleh Pegawai Penilai masing-masing dalam tempoh 6 bulan selepas mengikuti kursus yang diberikan bagi melihat keberkesanan perubahan tingkahlaku staf dalam mengaplikasikan kompetensi umum jawatan berkenaan.

Berdasarkan penyertaan tersebut, 53 staf dari 83 (tidak termasuk 2 staf yang mempunyai jurang berdasarkan Program Penilaian PPI/IDP tahun 2021) yang menyertai Program PPI / IDP mempunyai jurang kompetensi yang bermaksud tidak memenuhi tahap penguasaan kompetensi yang diukur. Setiap calon yang dinilai perlu mencapai sekurang-kurangnya tahap

4 atau tahap 5 bagi menentukan staf telah memenuhi tahap penguasaan yang ditetapkan bagi sesuatu kompetensi. Calon yang mendapat tahap 1, 2 atau 3 bagi sesuatu kompetensi perlu menutup jurang kompetensi dan perlu dinilai semula bagi melihat keberkesanan perubahan tingkahlaku staf dalam mengaplikasikan kompetensi umum jawatan berkenaan dalam tempoh 12-36 bulan selepas penilaian.

Staf yang telah dikenalpasti mempunyai jurang kompetensi disediakan keperluan kursus yang perlu dihadiri merujuk kepada keperluan setiap kompetensi yang bertujuan membantu dalam meningkatkan pengetahuan staf tersebut dan mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam perkerjaan.

Bagi melihat keberkesanan perubahan tingkahlaku staf dalam mengaplikasikan kompetensi umum jawatan berkenaan, Pegawai Penilai Pertama yang merupakan penyelia yang terdekat kepada staf dan mempunyai hubungan kerja secara langsung dengan staf tersebut, telah diminta untuk membuat penilaian tutup jurang melalui aplikasi *Microsoft Form* yang telah dilaksanakan pada 9 – 16 Jun 2021.

Berdasarkan penilaian tersebut, 53 calon telah dinilai dan keputusannya adalah seperti berikut:

Jadual 50 | Keputusan terhadap 53 calon yang telah dinilai

Gred	Bil. Calon Tutup Jurang	Telah Menutup Jurang	Masih Mempunyai Jurang
41	31	21	10
44	22	14	8

Berdasarkan kepada keputusan penilaian tutup jurang, 18 peserta masih tidak memenuhi tahap penguasaan kompetensi yang ditetapkan. Bagi memastikan staf memenuhi tahap kompetensi yang diperlukan, Bahagian Pembangunan Bakat akan melaksanakan program seperti berikut:

- Kursus Kompetensi – 13 staf yang masih mempunyai tahap kompetensi yang sama perlu menghadiri kursus kompetensi yang tepat dan bersesuaian dengan jurang kompetensi yang dimiliki.
- Program Mentoring – 5 staf yang dikenalpasti mempunyai jurang yang semakin besar akan dibangunkan melalui program mentoring di mana pelaksanaan program akan merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Pementoran Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2010.

Pembangunan Model Kompetensi *MyTalent*

Pengenalpastian kompetensi

Sebanyak 8 Bengkel Pemprofilan Kompetensi (Mac – Jun 2021) bersama SME secara *Focus Group* yang menghasilkan struktur kompetensi yang strategik, taktikal & operasi bersama kategori kompetensi fungsian, pengurusan dan kepimpinan dan juga Kamus Kompetensi yang mempunyai Pemetaan JD 20 Skim Kumpulan Pengurusan & Profesional dengan kompetensi yang menghasilkan 50 kompetensi Fungsian, 4 Kompetensi Pengurusan serta 4 Kompetensi Kepimpinan

Pembangunan Kamus Kompetensi

Sebanyak 15 Bengkel Pembangunan Kamus Kompetensi (Ogos-September 2021) secara dalam talian bersama SME yang menghasilkan 50 Kamus Kompetensi Fungsian bagi 20 skim Kumpulan Pengurusan & Profesional Pembangunan Kamus Kompetensi yang meliputi petunjuk perilaku dan petunjuk prestasi perilaku.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu

Pembentangan hasil bengkel kepada ahli jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan oleh COO pada 29 Oktober 2021.

Bengkel Pembangunan Sistem *MyTalent* UTeM

Pada masa ini, UTeM masih belum membangunkan sistem aplikasi yang menyokong kepada pengurusan dan perancangan *MyTalent*. Pewujudan sistem ini mampu menguruskan pengumpulan, pemusatan dan proses penilaian berdasarkan kompetensi dan komponen rubrik penilaian yang dibangunkan seterusnya berupaya menyediakan statistik dan pelaporan analisis bagi pengkalan data *profiling* staf.

Pengkalan data yang sistematik mampu menyediakan data yang terkini dan valid, ia juga dapat membantu kepada penyediaan maklumat yang diperlukan oleh pihak Universiti dan peserta juga dapat melihat paparan rekod aktiviti pembangunan bakat yang dilaluinya sepanjang perkhidmatan.

Modul sistem ini memfokuskan kepada semua aspek dan proses perancangan *MyTalent* merangkumi pengenalan, penilaian, pembangunan, pengekalan, pelaporan serta analisis yang berasaskan kompetensi. Sistem *MyTalent* yang akan dibangunkan memfokuskan kepada beberapa sub modul seperti berikut-

- i. *Sub Module of Competency Library & Dictionary*
- ii. *Sub Module of Competency – Job Profile*
- iii. *Sub Module of Competency Assessment*
- iv. *Sub Module of Reporting*
- v. *Sub Module of User Management*
- vi. *Sub Module of Competency Dashboard*

Bengkel pembangunan sistem *MyTalent* bersama Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), fasilitator dari FTMK dan UMP telah diadakan pada 28 Februari dan 1 Mac 2022 yang membincangkan berkaitan pembangunan spesifikasi keperluan sistem, merekabentuk struktur paparan laman *interface*, membangunkan formula dan menghasilkan proses kerja serta carta alir yang memenuhi keperluan pembangunan aplikasi teknikal.

Pencapaian Berimpak Tinggi

Audit MS ISO 9001:2015

Pelaksanaan Audit Pemantauan I MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar bagi tahun 2021 telah diadakan dengan jayanya pada 25 dan 26 November 2021 dengan kaedah secara *Remote Audit* oleh Badan Pensijilan SIRIM QAS International Sdn Bhd yang telah dilantik oleh pihak Pejabat Pendaftar.

Mesyuarat pembukaan audit telah diengerusikan oleh Ketua Pegawai Operasi di hadiri oleh Ketua Bahagian dan mereka yang terlibat. Pelaksanaan audit telah dijalankan selama 2 hari secara atas talian oleh Auditor SIRIM melibatkan 3 Bahagian utama di Pejabat Pendaftar iaitu Bahagian Pembangunan Bakat, Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi dan Bahagian Pengurusan Akademik. Secara keseluruhannya, proses audit berjalan dengan lancar di semua bahagian dan laporan penemuan telah dibentangkan oleh Ketua Juruaudit di Mesyuarat Penutup pada 26 November 2021 jam 3.30 Petang secara dalam talian.

Hasil Keputusan Audit Pemantauan I yang diperolehi 0 NCR dan 0 OFI tiada sebarang penemuan yang diperolehi semasa audit dijalankan. Syabas kepada Pejabat Pendaftar kerana telah berjaya mengekalkan kualiti dan produktiviti dalam pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan di Pejabat Pendaftar secara berterusan.

Program Amalan Hidup Sihat

Program Amalan Hidup Sihat diwujudkan dikalangan staf di UTeM bagi meningkatkan kesihatan staf melalui beberapa aktiviti yang diadakan bagi menggalakkan gaya hidup yang sihat. Amalan hidup sihat di Universiti penting bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan kepada majikan dan staf bagi membolehkan staf dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan.

Jadual 51 | Keputusan terhadap 53 calon yang telah dinilai

Bil	Aktiviti
1	Penubuhan Jawatankuasa Amalan Hidup Sihat di UTeM (31 Mac 2021)
2	Saringan Kesihatan NCD & Kanser (200 orang staf bagi tahun 2021 bermula 15 November 2021)
3	Program Tuah Fit UTeM *Setiap Rabu (5.30pm - 6.15pm)
4	10000 Langkah (Program Pej HEP)
5	Hidup secara Aktif (Zumba, Aerobik);
6	Jom Berhenti Merokok (KPKA) – Kempen – merokok & jangkitan Covid-19 (28 April 2021), Merokok meningkatkan Risiko Covid19 (2 Mei 2021), Kapsul Kampus Bebas Asap Rokok (25 Oktober 2021), Webinar Basmi Tabiat Merokok (8 November 2021)
7	Tangga Challenge (2021)
8	Kempen Penyalahgunaan dadah (Keselamatan/PUU/PKU);
9	Saringan Kesihatan Mental DASS (Bermula 15 November 2021)
10	Kempen Derma Darah (15 November 2021)
11	Aktiviti Amalan Hidup Sihat PTj (Hiking, Brisk Walk Pejabat Pendaftar, Pejabat HEP)
12	Aktiviti Amalan Hidup Sihat PTj (Hiking, Brisk Walk Pejabat Pendaftar, Pejabat HEP)
13	Webinar Kesihatan – Kesedaran Penyakit Pekerjaan (15 Disember 2021)
14	Kajian tentang Amalan Hidup Sihat Staf di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk menilai tahap kesihatan staf di UTeM (4 April – 4 Mei 2021)
15	Info Kesihatan: Amalan Hidup Sihat – Amalkan Pemakanan Sihat (18/11/21), Suka Manis & Gula (10/11/21), Masalah Jantung (4/10/21)

Majlis Pemasyhuran Canselor UTeM Ke-3

Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bahagian II, Pegawai Universiti, Seksyen 10 (1) Seorang Canselor hendaklah menjadi ketua Universiti dan hendaklah mempengerusikan mana-mana Konvokesyen apabila menghadirinya dan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut, kaedah dan peraturan. Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang di-Pertuan Agong dengan sukacitanya telah mengisytiharkan bahawa Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang baharu berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2020 hingga 3 Jun 2024.

Sehubungan itu, satu Majlis Pemasyhuran Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diadakan di Dewan Seri Utama, Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 5 Mac 2021. Hampir 300 orang telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada para tetamu dari dalam dan luar Universiti termasuk YAB Ketua Menteri Melaka, YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Exco Kerajaan Negeri (Pendidikan), Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Pro Canselor-Pro Canselor Universiti, Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti, Pegawai-Pegawai Kanan dan Ahli Senat Universiti dan ahli-ahli Jawatankuasa pelaksana terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Semester Secara Dalam Talian

Senat Universiti Bil 7/2021 telah bersetuju supaya bermula Semester II-2020/2021 Pelaksanaan Peperiksaan Akhir secara dalam talian dilaksanakan tanpa kehadiran Fizikal Pengawas sepenuhnya. Lanjutan dari keputusan ini satu Prosedur Operasi Standard (SOP), peraturan dan operasi yang sistematik baharu telah dibina dengan mewujudkan Pusat Peperiksaan secara maya melalui Aplikasi *Webex*.

Pusat Peperiksaan Maya ini menjadi medan penghubung di antara Pengawas dan Petugas Peperiksaan bagi memastikan Peperiksaan Akhir di kawal selia mengikut standard dan peraturan yang ditetapkan. UTeM satu-satunya universiti dalam negara yang membangunkan kaedah seumpama ini, oleh yang demikian UTeM telah mendaftarkan keseluruhan proses, kerangka kerja dan SOP peperiksaan dalam talian yang dibangunkan ini ke MYIPO dan kini telahpun mendapat hakcipta.

Pengambilan Jubah Secara Pandu Lalu

Rentetan daripada situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara, proses pengambilan jubah bagi graduan konvokesyen ke-16 telah dibuat secara pandu lalu. Kaedah ini dipilih bagi mengurangkan risiko penyebaran virus disamping memudahkan urusan graduan. Proses pengambilan jubah secara pandu lalu dilaksanakan di hadapan Dewan Canselor UTeM. Secara keseluruhannya seorang pelajar hanya mengambil masa kurang dari 2 minit dari proses awal hingga menerima jubah masing-masing. Proses selama 4 hari ini yang melibatkan 2,969 orang graduan telah dilaksanakan dengan jayanya

Penetapan Syarat Minima Permohonan Pelantikan dan Permohonan Kenaikan Pangkat Pensyarah Universiti Serta Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bagi Pensyarah Universiti Lantikan Kontrak (Warganegara dan Bukan Warganegara)

Pensyarah yang dilantik dan dinaikkan pangkat di Universiti mulai tahun 2021 adalah berdasarkan merit yang disandarkan kepada keserjanaan dan keilmuan bagi memelihara dan memartabatkan kredibiliti akademik, keserjanaan dan kesohoran sejajar dengan hala tuju Universiti dan aspirasi KPT seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.5/2020 yang telah bersidang pada 16 Disember 2020 telah meluluskan ketetapan ini untuk dilaksanakan di Universiti menerusi Pekeliling Pentadbiran UTeM Bil.1/2021.



14.0 Prestasi dan Laporan Keuangan



67%

72%



Prestasi dan Laporan Keuangan

RINGKASAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN UTeM

Pendapatan

Pendapatan keseluruhan Kumpulan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM332,667,452 berbanding RM341,445,684 pada tahun 2020 iaitu menurun sebanyak RM8,778,232 (2.6%) disebabkan oleh sekatan atau pengurangan terhadap geran mengurus dari Kerajaan dan penurunan pelbagai pendapatan impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan.

Daripada jumlah pendapatan keseluruhan Kumpulan UTeM tahun 2021, sebanyak RM314,392,492 (94.5%) merupakan pendapatan daripada urus niaga bukan pertukaran yang terdiri daripada geran mengurus dari Kerajaan sebanyak RM211,270,800, geran-geran yang dilunaskan sebanyak RM60,259,777 dan pelbagai pendapatan sebanyak RM42,861,915. Pelbagai pendapatan ini adalah terdiri daripada yuran dan hasil pelajar sebanyak RM26,788,342, denda dan gantirugi sebanyak RM1,368,448 dan pelbagai urus niaga bukan pertukaran lain sebanyak RM14,705,125. Manakala, sejumlah RM6,759,210 (2.0%) merupakan pendapatan daripada urus niaga pertukaran iaitu terdiri daripada sewa, jualan dan pelbagai hasil sebanyak RM1,715,562 dan faedah dan keuntungan sebanyak RM5,043,648. Seterusnya, sejumlah RM11,515,750 (3.5%) adalah lain-lain pendapatan yang terdiri daripada hasil perkhidmatan akademik dan amanah sebanyak RM9,658,239 yang merupakan hasil daripada pelbagai tabung amanah dan aktiviti perundingan, pelbagai pendapatan lain sebanyak RM1,806,265, pendapatan daripada wakaf sebanyak RM9,006 dan pendapatan daripada endowmen sebanyak RM42,240.

Pada tahun 2021, syarikat induk UTeM telah menyumbang dividen sebanyak RM2,000,000 berbanding RM1,000,000 pada tahun 2020 iaitu meningkat sebanyak RM1,000,000 (100%).

Perbelanjaan


Perbelanjaan keseluruhan Kumpulan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM324,252,920 berbanding RM388,003,205 pada tahun 2020. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM63,750,285 (16.4%) disebabkan oleh penurunan ketara dalam perbelanjaan pemberian dan bayaran tetap sebanyak RM51,440,480 (93.5%) iaitu melibatkan pelarasan peruntukan manfaat pekerja.

Perbelanjaan keseluruhan Kumpulan UTeM tahun 2021 terdiri daripada perbelanjaan emolumen sebanyak RM173,744,502 (53.6%), perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM98,622,522 (30.4%), pemberian dan bayaran tetap sebanyak RM3,560,549 (1.1%), perbelanjaan susut nilai dan pelunasan sebanyak RM47,962,462 (14.8%) dan perbelanjaan lain dan belanja hutang ragu sebanyak RM362,885 (0.1%).

Prestasi Kewangan Keseluruhan

Pada tahun 2021, Kumpulan UTeM telah mencatatkan lebih pendapatan selepas cukai sebanyak RM8,341,158 berbanding kurangan pendapatan sebanyak (RM46,537,133) pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM54,878,291 (117.9%).

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan UTeM adalah seperti jadual di bawah:



KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN UTeM

Aset

Jumlah aset bukan semasa Kumpulan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM813,037,054 berbanding RM831,916,796 pada tahun 2020 iaitu menurun sebanyak RM18,879,742 (2.3%). Penurunan ini disebabkan oleh pelarasan amaun pembinaan dalam kemajuan (WIP) sebanyak RM52,175,497 (48.9%) dan pengurangan dalam akaun belum terima jangka panjang sebanyak RM661,862 (5.7%).


Jumlah aset semasa Kumpulan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM275,772,261 berbanding dengan RM289,094,037 pada tahun 2020 iaitu menurun sebanyak RM13,321,776 (4.6%) disebabkan oleh pengurangan dalam tunai dan kesetaraan tunai sebanyak RM17,250,286 (6.2%).

Liabiliti

Liabiliti bukan semasa Kumpulan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM287,574,508 berbanding RM331,646,515 pada tahun 2020 iaitu menurun sebanyak RM44,072,007 (13.3%) disebabkan oleh penurunan dalam peruntukan manfaat pekerja sebanyak RM14,096,428 (24.3%), penurunan jumlah pajakan kewangan jangka panjang sebanyak RM3,001,014 (2.0%), penurunan pinjaman berjangka panjang sebanyak RM7,990,570 (17.6%) dan pelarasan pendapatan tertunda sebanyak RM18,983,995 (23.8%).

Liabiliti semasa Kumpulan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM26,813,218 berbanding RM23,283,887 pada tahun 2020. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM3,529,331 (15.2%) disebabkan oleh peningkatan ketara dalam pinjaman berjangka pendek sebanyak RM2,792,023 (119.6%).


Perbandingan aset dan liabiliti Kumpulan UTeM adalah seperti jadual di bawah:



Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM262,838,506 berbanding RM280,088,792 pada tahun 2020 iaitu menurun sebanyak RM17,250,286 (6.2%). Ini adalah disebabkan oleh aliran tunai keluar daripada aktiviti pelaburan sebanyak RM29,597,159. Jumlah tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan UTeM pada tahun 2021 terdiri daripada baki tunai dari dana mengurus, pembangunan, penyelidikan dan pelbagai akaun amanah yang terikat dengan Surat Iktan Amanah.

Pergerakan aliran tunai Kumpulan UTeM pada tahun 2021 adalah seperti jadual di bawah:



PERGERAKAN ALIRAN TUNAI	2021		2020	
Baki awal tunai dan kesetaraan tunai		280,088,792		291,774,206
Tunai bersih untuk aktiviti operasi	1,149,262		(12,404,648)	
Tunai bersih untuk aktiviti pelaburan	(29,597,159)		(52,485,032)	
Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan	11,197,611		53,204,266	
Pengurangan bersih tunai		(17,250,286)		(11,685,414)
Baki tunai dan kesetaraan tunai		262,838,506		280,088,792
Pecahan tunai dan kesetaraan tunai:				
Simpanan tetap	225,909,524		238,470,854	
Tunai di tangan dan di bank	36,928,982		41,617,938	
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai		262,838,506		280,088,792


PRESTASI KUMPULAN WANG MENGURUS

Pendapatan Mengurus UTeM

Pendapatan mengurus UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM259,604,577 berbanding RM252,567,098 pada tahun 2020 iaitu meningkat sebanyak RM7,037,479 (2.8%). Daripada jumlah pendapatan mengurus UTeM tahun 2021, sebanyak RM211,270,800 (81.4%) merupakan pemberian Kerajaan dan sebanyak RM48,333,777 (18.6%) adalah penjanaaan pendapatan sendiri UTeM.

Pendapatan mengurus UTeM adalah terdiri daripada pendapatan dari Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pendapatan.

PERBANDINGAN PENDAPATAN MENGURUS TAHUN 2020 DAN 2021




Perbelanjaan Mengurus UTeM

Perbelanjaan mengurus UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM260,097,066 berbanding RM299,560,742 pada tahun 2020 iaitu menurun sebanyak RM39,463,676 (13.2%). Perbelanjaan mengurus UTeM pada tahun 2021 terdiri daripada perbelanjaan emolumen sebanyak RM172,306,117 (66.3%), perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM70,523,863 (27.1%), pemberian dan bayaran tetap sebanyak RM1,351,979 (0.5%), susut nilai dan pelunasan sebanyak RM15,702,224 (6.0%) dan perbelanjaan lain dan belanja hutang ragu sebanyak RM212,883 (0.1%).

Perbelanjaan mengurus UTeM adalah terdiri daripada perbelanjaan dari Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pendapatan.

PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2020 DAN 2021




PRESTASI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan Pembangunan UTeM

Peruntukan pembangunan UTeM yang diterima daripada Kerajaan pada tahun 2021 ialah sebanyak RM34,663,600 berbanding RM57,433,450 pada tahun 2020. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM22,769,850 (39.6%) berikutan penyaluran peruntukan pembangunan adalah berdasarkan status projek pembangunan.

Peruntukan pembangunan UTeM tahun 2021 adalah termasuk geran yang diterima sebanyak RM33,713,600 bagi Projek Pajakan Konsesi Kolej Kediaman Satria di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

**PERBANDINGAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (PEMBERIAN KERAJAAN)
TAHUN 2020 DAN 2021**




Perbelanjaan Pembangunan UTeM

Perbelanjaan pembangunan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM59,772,745 berbanding RM79,919,231 pada tahun 2020. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM20,146,486 (25.2%) disebabkan oleh pelarasan semula perbelanjaan susut nilai dan pelunasan aset PFI yang dicaj kepada Kumpulan Wang Mengurus seperti mana yang telah disyorkan oleh Jabatan Audit Negara.

Perbelanjaan pembangunan UTeM pada tahun 2021 terdiri daripada perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM32,425,166 (54.2%) dan susut nilai dan pelunasan sebanyak RM27,347,579 (45.8%).

PERBANDINGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2020 DAN 2021



PRESTASI KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyelidikan UTeM


Peruntukan penyelidikan yang diterima UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM5,191,666 berbanding RM5,452,462 pada tahun 2020. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM260,796 (4.8%) disebabkan oleh pengurangan dalam penerimaan Peruntukan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS).

Perbelanjaan penyelidikan UTeM pada tahun 2021 ialah sebanyak RM5,658,564 berbanding RM5,512,743 pada tahun 2020 iaitu meningkat sebanyak RM145,821 (2.6%).

Perbelanjaan penyelidikan UTeM pada tahun 2021 terdiri daripada perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM4,968,720 (87.8%) dan susut nilai dan pelunasan sebanyak RM689,843 (12.2%).

Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan UTeM adalah seperti jadual di bawah:

PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYELIDIKAN
TAHUN 2020 DAN 2021



ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUN 2021

PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING			KUMPULAN			UNIVERSITI		
			2021 RM	2020 RM	%	2021 RM	2020 RM	%
